

قَتِيْقِن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"AL-QURAN adalah cahaya Allah Subhanahu Wata'ala. Turunnya ke alam ini, menjadikan kegelapan bertukar jadi cahaya. Dunia yang sebelumnya gelap-gelita, menjadi terang-benderang kerananya. Inilah keramah dan mukjizat Al-Quran itu."
- Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Bagi Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi.



Pelita BRUNEI

كَلْبَرِيْتِه

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيْسْنِ اِيْمَان

MANISNYA IMAN

"INGATLAH hari kiamat pada hari itu Kami memanggil tiap-tiap kumpulan manusia dengan nama imam (Kitab Amal) mereka, maka sesiapa yang diberikan kitab amalnya di tangan kanannya, maka mereka itu akan membaca kitab mereka dengan gembira dan mereka tidak akan dianiaya sedikit pun."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Jaala, ayat 71.

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.06 SUBUH 5.16 SYURUK 6.36 DUHA 7.00 ZUHUR 12.35 ASAR 3.56 MAGHRIB 6.31 ISYAK 7.43

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 14

31 JANUARI 2018 / 1439 14 جمادي الأول

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Tanai amanah penuh setia dan tanggungjawab



Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan amanah mestilah ditani dengan penuh setia dan sikap bertanggungjawab.

"Tidak siapa pun yang boleh mengabaikan amanah. Kerana amanah itu adalah ia ibarat perjanjian suci kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala," tegas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah sedemikian semasa Pengisytiharan Rombakan dan Pelantikan Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri Yang Baharu yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Rombakan dan pelantikan ini berkuat kuasa bermula Selasa, 30 Januari 2018 bagi tempoh selama lima tahun.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan titah pada Pengisytiharan Rombakan dan Pelantikan Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri Yang Baharu, yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Sambutan HKK wadah pengukuhan keluarga

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) pada tahun ini akan diraikan pada 6 Mei dengan tema 'Keluargaku Penyayang Negara Gemilang'.

Ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran betapa pentingnya kasih sayang di antara ketua dan ahli-ahli keluarga untuk menjana kebahagiaan dan keharmonian keluarga dan

rumah tangga yang *sakinah, mawaddah dan warahmah*.

Sebagai persediaan untuk menyambut HKK Ke-7, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HKK telah mengadakan mesyuarat pertama di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir bagi mempengerusikan mesyuarat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu

Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HKK.

Dalam ucapan mukadimah, Yang Berhormat menekankan bahawa Sambutan HKK merupakan wadah untuk menyatukan usaha secara whole of nation bagi menyampaikan mesej mengenai kepentingan keharmonian dan pengukuhan keluarga untuk mengatasi segala cabaran.

Ke muka 7

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn



Muka 7

PEMERINTAH ABDB
terima kunjungan
hormat



Muka 9

MA'RAD Al-Kutub
UNISSA
galakkan budaya ilmu

Urus bencana secara komprehensif dan efektif

Assalamu'alaikum
 Warahmatullahi Wabarakatuh
 Bismillaahir Rahmaanir Raheem
 Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
 Wassalaatu' Wassalaamu
 'Alaa Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
 Muhammaddin, Wa' alaa Aalihee
 Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

SYUKUR ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah kurnia-Nya kita dapat merasai segala nikmat yang telah dianugerahkan-Nya di mana dengan izinnya juga, negara kita sentiasa terlindung daripada apa jua jenis bencana. Marilah kita sama-sama berdoa semoga nikmat ini akan terus berkekalan.

Alhamdulillah pagi ini dapat kita mengadakan Mesyuarat Pertama pada Tahun 2018. Barang setentunya banyak perkara yang akan timbul khususnya dalam menilai sejauh mana perkembangan inisiatif-inisiatif yang telah dipersetujui dan dilaksanakan pada tahun sebelumnya termasuklah perkara-perkara yang menyentuh mengenai peranan dan fungsi majlis ini sendiri.

Di sinilah juga saya ingin terus menekankan tentang pentingnya bagi pengumpulan data secara terus-menerus dan teratur sebagai asas yang realistik untuk mengetahui sama ada kita berada di atas landasan yang betul ke arah mencapai sasaran atau *target* yang telah ditetapkan. Ia juga dapat mengukur keberkesanan pelaksanaan pelan-pelan tindakan berkaitan, di samping kesan atau impaknya sebagaimana yang diharapkan.

Pada tahun lepas, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini termasuk dunia luar telah sama-sama menyaksikan satu lagi sejarah penting Sempena Memperingati 50 Tahun Paduka Ayahanda Menaiki Takhta.

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala khususnya di atas kurnia keberkatan kepimpinan paduka ayahanda telah berjaya menerajui tampuk pemerintahan negara dengan membawa perubahan bermakna kepada kelangsungan pembangunan dan kemakmuran dalam meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.

Jika melihat kepada senario dunia yang kian mencabar dari keadaan ekonomi global yang tidak menentu kepada kejadian-kejadian bencana alam yang semakin sukar diramal, negara juga tidak terkecuali dari kesan limpahannya.

Namun demikian, dengan berkat kepimpinan bijaksana paduka ayahanda, kita terus sahaja dapat melihat



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan pada Mesyuarat Majlis Bencana Kebangsaan 1/2018 Negara Brunei Darussalam pada Sabtu, 10 Jamadilawal 1439 Hijrah bersamaan 27 Januari 2018 Masihi di Bilik Mesyuarat West Wing, Aras 1, Jabatan Perdana Menteri.

kemajuan dalam pelbagai bidang dan sektor yang mampu menyumbang kepada kedayatahan ekonomi negara serta memperkukuhkan keamanan dan kemakmuran dalam hasrat untuk terus mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Dalam kita menikmati kemajuan dan keamanan inilah, maka kita juga perlu sentiasa siap siaga dalam menghadapi sesuatu bencana yang berskala besar yang di luar jangkaan berlaku.

Pada hemat saya, peranan kita di majlis ini adalah bertepatan sekali dalam konteks mempersiapkan dan memastikan tindakan-tindakan intervensi sebelum, semasa dan sesudah bencana, dengan berpandukan kepada perancangan serta pelan-pelan tindakan yang teratur lagi terarah.

Justeru, saya menaruh harapan tinggi rangka kerja dasar strategik yang sedang diungkayahkan pada masa ini dibuat secara komprehensif yang berupaya memandu pengurusan bencana di negara ini dengan efektif. Ianya juga perlu melihat kepada perkembangan terkini di peringkat serantau ASEAN dan antarabangsa khususnya mempelajari *best practices* dan *lesson learnt* daripada negara-negara yang sudah mempunyai rangka kerja yang serupa dan terbukti keberkesannya dalam menangani pelbagai jenis bencana.

Tidak kurang pentingnya ialah usaha-usaha ke arah memastikan kemantapan prosedur-prosedur tetap operasi serta kapasiti agensi petindak, yang memastikan keberkesanan tindak-tanduk dalam pelbagai aspek khususnya kecekapan, kepantasan dan kesempurnaan dalam menghulurkan bantuan kepada mangsa terlibat.

Sehubungan dengan ini, dalam hasrat untuk memperkukuhkan lagi mekanisme yang membantu majlis ini ke arah pengurusan yang efisien sama ada dari segi tenaga manusia dan kewangan melalui pendekatan *whole of government approach*, maka saya menyarankan supaya satu *capacity review* dilaksanakan mengenainya.

Ini termasuklah dalam perkara-perkara berkaitan ke arah memperkukuhkan peranan dan fungsi Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan yang diamanahkan untuk membantu majlis ini serta kaitannya dengan peranan dan tanggungjawab agensi-agensi yang terlibat.

"JUSTERU, saya menaruh harapan tinggi rangka kerja dasar strategik yang sedang diungkayahkan pada masa ini dibuat secara komprehensif yang berupaya memandu pengurusan bencana di negara ini dengan efektif. Ianya juga perlu melihat kepada perkembangan terkini di peringkat serantau ASEAN dan antarabangsa khususnya mempelajari 'best practices' dan 'lesson learnt' daripada negara-negara yang sudah mempunyai rangka kerja yang serupa dan terbukti keberkesannya dalam menangani pelbagai jenis bencana."

Dari Sidang Pengarang.

31 JANUARI 2018 BERSAMAAN 1439 14 جمادى الأول

LAKSANA KEADILAN, ELAK KEZALIMAN

SETIAP negara pastinya menginginkan keamanan, perpaduan juga kemakmuran, namun dalam mencapai ketiga-tiga komponen berkenaan kita memerlukan kerjasama daripada setiap rakyat dan penduduknya dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab masing-masing dengan penuh keadilan dan elak berlakunya kezaliman.

Di samping itu, ia juga perlu disertai dengan rasa syukur atas nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita. Syukur adalah pemangkin segala nikmat dan keberkatan. Ini kerana tanpa rasa syukur, maka nikmat akan hakis dan tidak akan bertahan lama.

Agama memberi petunjuk bahawa nikmat boleh kekal tetapi tertakluk pada pembawaan kita. Allah mengurniakan nikmat kepada kita, manakala kita wajib untuk mensyukurinya.

Antara cara kita bersyukur adalah mengucapkannya dengan lidah. Di samping itu, kita juga dituntut untuk bersyukur melalui urus tadbir dalam kehidupan. Oleh sebab itulah kita memerlukan kerajaan dengan jentera yang terdiri daripada para pemimpin dan pegawai serta kakitangan.

Melaksanakan keadilan adalah salah satu daripada ciri bersyukur. Ini kerana keadilan adalah segala-galanya. Tanpa keadilan, maka semua kebajikan akan jauh daripada kita.

Sesiapa jua yang dilantik atau dipilih menjadi pemimpin, maka mereka adalah berkewajipan untuk menjalankan keadilan. Keadilan tersebut hendaklah dicurahkan kepada rakyat dan bukannya kepada diri sendiri. Apabila ia untuk kepentingan diri sendiri, maka ia bukan lagi keadilan, bahkan kezaliman.

Antara ciri melaksanakan keadilan adalah bersedia mendengar pendapat orang bawahan atau menerima idea yang baik, mahupun keluhan atau rintihan mereka. Keadilan bukan mengikut kata hati, tetapi mesti berpandukan lunas-lunas yang betul dari segi agama, undang-undang dan etika.

"Perlu beta ingatkan bahawa lantikan-lantikan ini adalah amanah. Amanah itu sifatnya adalah sangat berat, kerana ianya merangkumi tugas dan kewajipan bagi menegakkan keadilan. Ke arah itu, ianya perlu dipikul dengan penuh tanggungjawab, jujur lagi ikhlas dengan penuh taat lagi setia," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Pelantikan-Pelantikan Baharu pada Khamis, 9 Muharam 1437H / 22 Oktober 2015M.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 72, tafsirnya: "Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah Kami kepada langit dan bumi serta gunung-ganang untuk memikulnya, maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya. Dan pada ketika itu manusia dengan persediaan yang ada padanya sanggup memikulnya. Ingatlah sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan."

Bekerjasama ke arah keamanan, perpaduan juga kemakmuran negara, syukur atas nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala, tanpa syukur nikmat tidak tahan lama, petunjuk diberi melalui agama, nikmat wajib disyukurinya.

Bersyukur dan jalankan keadilan, terima pendapat dan keluhan, elak ikut kata hati, lunas-lunas betul agama, undang-undang dan etika jadikan sebagai panduan. Amanah sangat berat yang merangkumi tugas juga kewajipan, pikul dengan penuh tanggungjawab, jujur, ikhlas penuh taat lagi setia elak kezaliman.
 - Ketua Penyuntingan (Nb).

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 24 °C	32 24 °C	32 25 °C
PEKAN BANGAR		
30 24 °C	31 24 °C	32 24 °C
PEKAN TUTONG		
31 24 °C	32 24 °C	32 25 °C
KUALA BELAIT		
31 25 °C	31 24 °C	32 24 °C

Wallahualam Bissawab
 Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
 www.met.gov.bn

Talian Cuaca **114**
 Brunei WX App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
 "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
31	RABU	14	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
1 FEBRUARI	KHAMIS	15	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
2	JUMAAT	16	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
3	SABTU	17	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
4	AHAD	18	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
5	ISNIN	19	5.06	5.16	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
6	SELASA	20	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
 JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123 | **NDCM 2380214**

Pelantikan Menteri-Menteri Kabinet baharu

Oleh : Abdullah Asgar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengumumkan mengenai Pengisytiharan Rombakan dan Pelantikan Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri Yang Baharu, di Istana Nurul Iman.

Baginda dalam titah mengisytiharkan Rombakan dan Pelantikan Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Memban Menteri Yang Baharu seperti berikut :

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam menyangg jawatan sebagai Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan juga Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Duli Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah sebagai Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim sebagai Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jawatan Penasihat Khas adalah bertaraf Menteri.

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman sebagai Menteri Hal Ehwal Ugama.

Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Haji Apong sebagai Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof sebagai Menteri Pertahanan II.

Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Jaafar sebagai Menteri Kesihatan.

Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah sebagai Menteri Kewangan II.

Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II.

Ke muka 4



PEHIN Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.



PEHIN Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.



PEHIN Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.



DATO Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.



PEHIN Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.



DATO Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Jaafar.



DATO Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.



DATO Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.



DATO Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.



DATO Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.



DATO Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien.



DATO Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman.



AWANG Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.



MEJAR Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.



PENGERAN Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.



DATIN Dayang Hajah Elinda binti C.A. Mohamed.



DATO Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman.



DATIN Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.



DATO Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiauw.

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menerima mengadap Tentara Nasional Indonesia (TNI), Yang Terhormat Jenderal Dato Paduka Seri Haji Gatot Nurmantyo.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Kapten (B) Dato Paduka Abd. Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Republik Indonesia di Negara Brunei Darussalam, Arko Hananto Budiadi.

Yang Terhormat telah dikurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam 'Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menerima mengadap Tentara Nasional Indonesia (TNI), Yang Terhormat Jenderal Dato Paduka Seri Haji Gatot Nurmantyo.

Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T) pada Oktober 2015 sebagai pengiktirafan sumbangan beliau dalam memupuk hubungan pertahanan yang erat di antara ABDB dan TNI.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia

mempunyai hubungan pertahanan yang rapat dan sudah lama terjalin dan telah memeterai Memorandum Persefahaman dalam Kerjasama Pertahanan pada 10 April 2003.

Kerjasama dua hala tersebut merangkumi lawatan, pertukaran profesional, latihan, kursus

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

dan eksekais. Pada bulan November 2017, satu eksekais bersama antara TLDB dan TNI Angkatan Laut (TNI AL)

dipanggil 'Eksekais Helang Laut 18B/17' telah diadakan di Perairan Laut Republik Indonesia.

Pelantikan Menteri-Menteri Kabinet baharu

Oleh : Abdullah Asgar

Dari muka 3

sebagai Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian. Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman sebagai Menteri Pendidikan. Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji

Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar sebagai Menteri Pembangunan.

Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien

Mohammad Yusof sebagai Menteri Perhubungan.

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar

sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Datin Dayang Hajah Elinda binti C.A. Mohamed sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dato Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman sebagai Timbalan Menteri Kewangan.

Datin Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd.

Salleh sebagai Timbalan Menteri Pendidikan.

Dato Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokia sebagai Timbalan Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian.

Baginda bertitah, rombakan dan pelantikan tersebut berkuat kuasa mulai hari Selasa, 30 Januari 2018 bagi tempoh selama lima (5) tahun.

Kebawah DYMM lahirkan penghargaan dan terima kasih

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri yang tidak lagi dilantik di atas khidmat dan jasa yang disumbangkan selama ini.

"Beta tidak lupa merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang tidak lagi dilantik dalam rombakan ini di atas khidmat dan jasa mereka yang disumbangkan selama ini, semoga Allah jua yang akan membalas dengan ganjaran pahala serta kebahagiaan yang berterusan," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah sedemikian semasa Pengisytiharan Rombakan dan Pelantikan Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri Yang Baharu yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Jawatan Mufti Kerajaan, Peguam Negara bertaraf Menteri

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengumumkan jawatan Mufti Kerajaan dan Peguam Negara adalah sebagai jawatan yang bertaraf Menteri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah sedemikian semasa Pengisytiharan Rombakan dan Pelantikan



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri Yang Baharu yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

"Beta dengan ini juga



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh.

sukacita mengisytiharkan bahawa jawatan Mufti Kerajaan dan Peguam Negara adalah sebagai jawatan yang bertaraf Menteri," titah baginda.

Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri kepada Tentara Nasional Indonesia (TNI), Yang Terhormat Jeneral Dato Paduka Seri Haji Gatot Nurmantyo, iaitu Yang Mulia Ibu Datin Enny Trimurti.

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap secara berasingan isteri ketua perwakilan asing negara sahabat ke negara ini

serta isteri-isteri Duta-Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke negara sahabat.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri mula-mula berkenan menerima mengadap isteri kepada Tentara Nasional Indonesia (TNI), Yang Terhormat Jeneral Dato Paduka Seri Haji Gatot Nurmantyo, iaitu Yang Mulia Ibu Datin Enny Trimurti. Mengadap bersama ialah isteri kepada Pemangku Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Puan Yani Nurbayani.

Turut hadir mengiringi ialah isteri Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pengiran Datin Nuur 'Izzah Nabilah binti Pengiran Haji Ahmad Mahdi Al-Sufri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir, Dayang Nor'aisah binti Dato Haji Ishak; isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu, Dayang Hajah Sarimah binti Haji Abu Bakar; isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kuwait, Dayang Hajah Rosita binti Haji Mohammad dan isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Turki, Dayang Elma Darlini binti Haji Sulaiman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Duli Yang Maha Mulia Paduka
Selasa, 30 Januari. - Kebawah Seri Baginda Raja Isteri Pengiran



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir, Dayang Nor'aisah binti Dato Haji Ishak; isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu, Dayang Hajah Sarimah binti Haji Abu Bakar; isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kuwait, Dayang Hajah Rosita binti Haji Mohammad dan isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Turki, Dayang Elma Darlini binti Haji Sulaiman.

Doa Kesyukuran terbinanya bangunan SUAMPRIPAHS



ANTARA pelajar yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran tersebut (kiri), sementara gambar kanan, Bangunan Pentadbiran Sekolah Agama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Januari. - Sekolah Agama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Kampung Katok mengadakan Majlis Doa Kesyukuran atas terbinanya bangunan sekolah berkenaan.

Bangunan tersebut genap tiga tahun setelah penyempurnaan Peletakan Batu Asas oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Hajah Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 22 Januari 2015.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (tiga, kiri) memimpin bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh tetamu kehormat diikuti bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dan seterusnya bacaan Doa Kesyukuran yang dibacakan oleh tenaga pengajar SUAMPRIPAHS, Awang Haji Mohd. Zul Izzi bin Haji Awang Tengah.

Kemudian majlis diserikan dengan persembahan dikir dari penuntut-penuntut Tahun 10.

Tujuan majlis itu diadakan sebagai tanda kesyukuran atas terbinanya bangunan sekolah yang berprestij bagi keselesaan pengajaran dan pembelajaran dengan harapan prestasi pencapaian pelajar akan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa dalam suasana pembelajaran yang kondusif.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah.



Great Debate pupuk budaya pembelajaran kreatif



TIMBALAN Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia, Paul Rennie menyampaikan taklimatnya mengenai Pertandingan Great Debate.

SENGKURONG, Isnin, 29 Januari. - Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Suruhanjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan Pertandingan Great Debate bagi Pusat Tingkatan Enam (PTE) seluruh negara.

Sehubungan itu, satu Bengkel Taklimat dan Bimbingan diadakan di PTE Sengkurong, di sini yang disampaikan oleh Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia, Paul Rennie.

Menurutnya, kemahiran perdebatan dimilikinya hasil dari pengalaman semasa menjadi pelajar, dan itu telah menjadi alat yang berguna dalam kerjayanya.

Pengalaman tersebut katanya, memberi beliau keyakinan dan mengajarnya untuk mencabar dan

berfikir secara kritis mengenai isu-isu yang mempengaruhi kita semua.

Tambahnya, ia juga merupakan peringatan tentang pentingnya melihat sudut lain kepada apa-apa yang dihujahkan.

Pertandingan Akhir Great Debate akan diadakan pada 8 Februari 2018 dengan membawakan tema 'Commonwealth : Towards a Common Future'.

Tujuan pertandingan tersebut ialah bagi menyokong Kementerian Pendidikan untuk memupuk budaya pembelajaran yang inovatif dan kreatif.

SEBAHAGIAN peserta yang menghadiri Bengkel Taklimat dan Bimbingan yang diadakan di PTE Sengkurong.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



Sambutan HKK wadah pengukuhan keluarga

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Dari muka 1

Sebagai langkah untuk kesempurnaan Sambutan HKK tahun ini, ujar Yang Berhormat

lagi, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HKK telah bersidang lebih awal bagi persediaan yang lebih mantap dan perancangan yang lebih teratur.

Sambutan HKK 2018 seperti tahun yang lalu akan diadakan secara sepadu oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Kementerian Kesihatan serta

penglibatan aktif daripada agensi kerajaan yang lain, pihak swasta, dan Persatuan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGOs) melalui pendekatan *whole of nation*.

Bagi menjayakan sambutan pada tahun ini, Yang Berhormat menggesa semua pihak sama ada dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta, pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan, institusi-institusi, para penghulu dan ketua kampung serta pemimpin akar umbi masyarakat, diseru untuk berganding dan terus sama-sama bekerjasama dalam memberikan komitmen yang sepadu, terutama sekali dalam menggerakkan acara-acara sambutan, sama ada di peringkat kebangsaan, daerah, mukim atau kampung masing-masing, mahupun di peringkat organisasi, persatuan, masyarakat, ataupun kumpulan keluarga masing-masing dalam aspirasi negara iaitu keharmonian dan perpaduan keluarga serta masyarakat yang menyumbang ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Turut hadir, ahli-ahli dan wakil ahli yang terdiri daripada wakil Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, wakil Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Ke-7, 2018.

jabatan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan juga wakil-wakil daripada sektor swasta dan organisasi-organisasi bukan kerajaan.



SEBAHAGIAN pegawai yang menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2018.

Pemerintah ABDB terima kunjungan hormat

Bangunkan kapasiti persaingan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Dalam membangun kapasiti persaingan di negara ini dalam aspek pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan menerusi pengalaman Singapura, Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam mengengkayahkan Program Latihan Persaingan. Program selama tiga hari

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

tersebut dikendalikan oleh Competition Commission Singapore di Bangunan JPM.

Program dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny.

Dato Paduka Awang Eddie dalam ucapan alu-aluan antara

lain menyentuh mengenai pentingnya pembangunan kapasiti pada tahap ini termasuk dengan beberapa persiapan lain ke arah penguatkuasaan Perintah Persaingan 2015.

Program disertai oleh Ahli-ahli Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam, para pegawai JPKE dan juga para pegawai dari Jabatan Peguam Negara.



ANTARA yang hadir pada Program Latihan Persaingan yang diadakan di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (kiri). Manakala gambar kanan, Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada program berkenaan.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah (kiri) semasa menerima kunjungan hormat daripada Tentara Nasional Indonesia (TNI), Yang Terhormat Jenderal Dato Paduka Seri Haji Gatot Nurmantyo.

Oleh : Rohani Haji Abd Hamid
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Kementerian Pertahanan menerima kunjungan hormat dari Tentara Nasional Indonesia (TNI), Yang Terhormat Jenderal Dato Paduka Seri Haji Gatot Nurmantyo yang berlangsung di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison.

Sejurus tiba di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, Yang Terhormat Jenderal Dato

Paduka Seri Haji Gatot disambut dengan perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri daripada anggota Tentara Darat Diraja Brunei (TDDB).

Yang Terhormat Jenderal Dato Paduka Seri Haji Gatot mengadakan kunjungan hormat kepada Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Pembarigaan Wawasan Brunei 2035 terus giat dilaksanakan



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin (kiri) antara yang hadir pada sesi Taklimat bagi Program Pembarigaan mengenai Wawasan Brunei 2035.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Seramai kira-kira 70 pegawai dan kakitangan dari Jabatan Mufti Kerajaan menghadiri Taklimat bagi Program Pembarigaan mengenai Wawasan Brunei 2035 di Bangunan Darulifta, jabatan berkenaan, di sini.

Taklimat yang disampaikan

oleh Pegawai Pentadbir Tingkat Khas dari Sekretariat Tetap Wawasan Brunei (STWB) 2035, Jabatan Perdana Menteri, Awang Muhammad Aziman bin Nasir

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

itu antara lain memberi kefahaman mengenai kaitan peranan setiap organisasi dalam menggerakkan usaha ke arah mencapai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Pada masa yang sama, ia juga akan memperkukuhkan kerjasama rapat dengan agensi-agensi lain secara Whole of Government terutamanya dalam menangani isu-isu yang bersifat *cross-cutting*.

Para pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan turut diberikan peluang untuk menyuarakan sebarang pertanyaan dan mengetahui isu-isu semasa berkaitan Wawasan Brunei 2035.

Secara amnya, program pembarigaan tersebut bertujuan untuk memperkenalkan, mendidik dan menyelaras pemahaman orang ramai mengenai Wawasan Brunei 2035.

Dengan adanya taklimat

berkenaan, ia diharap akan dapat memberi kesedaran, mempengaruhi sikap dan tingkah laku masing-masing selain menggalakkan penglibatan setiap individu bukan sahaja di jabatan-jabatan kerajaan, malahan dalam kalangan orang-orang awam bagi sama-sama menani tanggungjawab dalam memastikan pencapaian Wawasan 2035.

Turut hadir pada sesi pembarigaan ialah Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin dan Pemangku Pengarah STWB 2035, Awang Nadzri bin Haji Yahya.

Program pembarigaan mengenai Wawasan Brunei 2035 yang dikendalikan oleh STWB 2035 itu akan diteruskan ke kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan bagi Sesi Tahun 2018.

Kem Asas Kepimpinan bermula 16 Februari

Siaran Akhbar dan Poster : Generasi Bekarih

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Kem Asas Kepimpinan (Leaders Foundation Camp - LFC) pertama yang dianjurkan oleh Generasi Bekarih Disember lalu mendapat sambutan yang menggalakkan.

Oleh itu, sebagai kesinambungan kepada kem berkenaan, LFC 2.0 akan diadakan selama tiga hari, bermula 16 Februari 2018 di Pusat Pembangunan Belia, Tanah Jambu.

Pendaftaran bagi LFC 2.0 itu bermula sejak awal Januari 2018 dan dibukakan kepada semua belia berusia antara 17 hingga 26 tahun, terutama kepada semua pelajar institut pendidikan tinggi, kolej, mahasiswa universiti, pelajar pasca yang lulus dan sedang mencari pekerjaan.

Kem berkenaan bertujuan untuk membantu golongan belia membuka cara pemikiran mereka seperti keluar dari zon selesa atau berfikir lebih terbuka, di samping membina generasi muda dengan nilai-nilai murni dan kualiti kepimpinan yang cemerlang, membantu mereka membangunkan 'pemimpin 360' serta mengajar mereka dengan kemahiran hidup sebagai persediaan masa hadapan.

Motif perkhemahan itu diilhamkan berdasarkan perkongsian pengalaman fasilitator itu sendiri yang diharap akan dapat membantu golongan belia tanpa melakukan kesalahan yang berulang kali.

Perkhemahan tersebut juga menerima penyertaan mereka yang masih berusaha untuk meningkatkan bakat menjadi pemimpin yang lebih baik dan bukan hanya memfokuskan kepada kemahiran kepimpinan, tetapi juga mengajar mereka cara mendisiplinkan hidup ke arah mengenali potensi sendiri.

Untuk maklumat lanjut, boleh melayari laman sesawang www.GenerasiBekarih.com atau mengikuti Instagram dan Facebook di *Generasi Bekarih*.



Kampung Kupang



Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

PUCUK LABU BADUDUN MASAK TUMIS

BAHAN-BAHANNYA :

- Pucuk labu (secukupnya)
- Bunga labu
- Buah labu (yang masih kecil)
- Jagung muda (secukupnya)
- Patula
- Timun muda
- Lada padi
- Udang kering (ditumbuk) / udang hidup
- 2 ulas bawang merah (dihiris)
- 1 ulas bawang putih

(dihiris)

- Garam secukup rasa
- Serbuk perasa
- Air secukupnya
- Minyak masak (untuk menumis)

CARA MEMASAKNYA :

- Pucuk labu dan campurannya yang lain seperti bunga labu, buah labu yang masih kecil, patula, timun muda dan jagung muda disiang dan dibersihkan terlebih dahulu sebelum dimasak.

- Panaskan minyak masak kemudian masukkan bawang merah, bawang putih dan udang kering yang sudah ditumbuk / udang hidup hingga mengeluarkan bau harumnya.

- Masukkan pucuk labu bersama dudunnya (campurannya) kemudian masukkan garam secukup rasa dan bahan perasa. Kemudian masukkan sedikit air dan tunggu sehingga masak untuk dimakan / dinikmati.

Generasi BEKARIH
"BEKARIH • BEJARIH • BELURUH"

FORREGISTRATION
bit.ly/lfc2018feb

LFC
LEADERS FOUNDATION CAMP
2.0

16 - 18 FEB 2018

@PUSAT PEMBANGUNAN BELIA

OPEN TO COLLEGE & UNIVERSITY STUDENTS
LEB. UTB. UNISSA. KUPUSB. PB. KGS. LCB. MC. K. CCCT

Ma'rad Al-Kutub UNISSA galakkan budaya ilmu



REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norarfan semasa majlis pertukaran bahan terbitan antara UNISSA dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang diwakili oleh Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Abang Haji Hadzmin bin Abang Haji Taha.



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa melawat pameran dan jualan buku di Ma'rad Al-Kutub.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

GADONG, Selasa, 30 Januari. - Pepatah ada mengatakan 'Membaca jambatan ilmu', pepatah ini membawa maksud tabiat suka membaca dapat membantu kita menambahkan ilmu pengetahuan dan ini amatlah wajar untuk dijadikan azimat dalam kehidupan seharian dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat negara ini. Perkara tersebut dijelaskan oleh Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa menyampaikan ucapannya selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Ma'rad Al-Kutub (Pesta Buku) yang berlangsung di Perpustakaan UNISSA, Gadong, di sini. Majlis yang diadakan melalui Bahagian Perpustakaan UNISSA

serta Pusat Penyelidikan dan Penerbitan tersebut diadakan selama tiga hari di Perpustakaan UNISSA bermula hari ini hingga 1 Februari 2018 dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang. Atur cara juga diisikan dengan penyampaian sijil-sijil penghargaan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada agensi-agensi serta peserta yang terlibat dalam menjayakan majlis tersebut dan diselajurkan dengan majlis pertukaran bahan terbitan di antara UNISSA juga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Ma'rad Al-Kutub adalah bersempena dengan 10 Tahun Penubuhan UNISSA yang antara lain bertujuan untuk menghidupkan lagi suasana perpustakaan dan menggalakkan


budaya ilmu dalam kalangan pelajar dan tenaga akademik. Sebanyak 10 agensi kerajaan dan empat bukan agensi kerajaan menyertai jualan buku, iaitu KUPU SB; Pusat Da'wah Islamiah; Pusat Sejarah; Pusat Pengajian Strategik dan Dasar (CSPS); Jabatan Mufti Kerajaan; Jabatan Muzium-Muzium; Dewan Bahasa dan Pustaka serta Pusat Standard Kebangsaan JPM; Al-Araby Bookstore; Asfi Book World; Syarikat Seri Sikuna dan Umitech. Juga hadir ialah Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Abang Haji Hadzmin bin Abang Haji Taha; serta pegawai-pegawai utama UNISSA dan KUPU SB.

Sabar menghadapi musibah

FIRMAN Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 155 yang bermaksud : "Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan (kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu). Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar." Allah Subhanahu Wata'ala telah menetapkan setiap manusia itu pasti diuji dan tidak ada sesiapa yang dapat lari dari kenyataan hidup. Namun di sebalik semua ujian ini masih ada berita gembira buat hamba-hamba Allah yang terpilih, iaitu mereka yang mampu bersabar menghadapi musibah yang menimpa. Sesungguhnya sabar menganugerahkan

kesejahteraan, rahmat dan hidayah seperti yang dijelaskan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita tentang ujian hidup dan tuntutan bersabar dalam Surah Al-Baqarah, ayat 157 yang bermaksud : "Mereka itulah orang yang mendapat keampunan daripada Tuhan mereka dan mendapat rahmatNya dan mereka itulah orang-orang yang mendapat hidayah." Allah Subhanahu Wata'ala menyediakan ganjaran hebat bagi orang-orang yang mampu bersabar ketika ditimpa musibah seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah az-Zumar, ayat 10 yang bermaksud : "Katakanlah (sampaikanlah firman-Ku ini wahai Nabi Muhammad) : "Wahai hamba-hambaKu yang beriman! Bertakwalah kepada Tuhan kamu. Orang-orang yang berbuat kebaikan di dunia ini akan mendapat kebaikan (di dunia dan di

akhirat). Dan bumi Allah ini luas (untuk kamu berhijrah). Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabar sahaja akan disempurnakan pahala mereka tanpa batasan." Selain itu, orang yang sabar juga akan mendapat kelayakan untuk tinggal di syurga. Seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah ar-Ra'd, ayat 23 - 24 yang bermaksud : "(Iaitu) syurga-syurga 'Adn, mereka masuk ke dalamnya bersama-sama orang-orang yang mengerjakan amalan salih daripada bapa-bapa (dan datuk nenek) mereka dan isteri-isteri mereka serta zuriat keturunan mereka, sedang malaikat-malaikat akan masuk ke tempat-tempat mereka dari semua pintu. (Sambil) mengucapkan) : "Salam ke atas kamu disebabkan kesabaran kamu." Maka itulah sebaik-baik tempat kesudahan di akhirat." Kita juga disarankan agar memohon pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk terus bersabar dengan bersolat dan berdoa. Berdoa dan memohon daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang mentakdirkan musibah dan ujian tersebut adalah tindakan tepat apabila ditimpa ujian. Sejajar dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 45 yang bermaksud : "Dan mintalah pertolongan (kepada Allah atas segala urusan kamu) dengan kesabaran



dan mendirikan sembahyang. Dan sesungguhnya sembahyang itu sangat berat (mendirikannya) melainkan bagi orang-orang yang khushyuk." Begitu besar tuntutan supaya bersabar dan hikmahnya bagi kita. Jika kita bersikap memberontak, marah dan menyalahkan orang lain tidak akan mampu mengubah takdir mahupun mengelakkan kita dari ditimpa musibah. Malahan hilangnya kesabaran apabila diuji boleh menyebabkan kita menanggung kerugian. Kerugian yang mengakibatkan sama ada kehilangan, kesediaan, kemalangan atau kematian serta gagal meraih peluang mendapat pahala dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala yang datang bersama musibah tersebut. Bertindaklah dengan bijak dan sabar kerana ujian dan musibah adalah rencah kehidupan. Beruntunglah mereka yang berjaya menghadapinya dengan kesabaran. Kemampuan bersabar dalam menghadapi musibah adalah bukti kesempurnaan iman kita dan bersyukur atas nikmat Allah. Sabar adalah anugerah terindah yang menjanjikan pelbagai kurniaan dan ganjaran di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

"BERTINDAKLAH dengan bijak dan sabar kerana ujian dan musibah adalah rencah kehidupan. Beruntunglah mereka yang berjaya menghadapinya dengan kesabaran. Kemampuan bersabar dalam menghadapi musibah adalah bukti kesempurnaan iman kita dan bersyukur atas nikmat Allah. Sabar adalah anugerah terindah yang menjanjikan pelbagai kurniaan dan ganjaran di sisi Allah Subhanahu Wata'ala."

Menjalani ujian Pap Smear dan Transvaginal Ultra Sound : Adakah diwajibkan mandi hadas?



(Dengan nama Allah,
Segala puji bagi Allah, Selawat dan
salam ke atas Rasulullah Sallallahu
Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat
dan para pengikut Baginda)

UJIAN kesihatan ke atas perempuan dengan menggunakan kaedah Pap Smear dan Transvaginal Ultra Sound semakin kerap digunakan di pusat-pusat rawatan. Ujian Pap Smear dilakukan untuk memeriksa dan mengesan jika ada ketumbuhan pada rahim atau serviks. Sementara itu, Transvaginal Ultra Sound adalah prosedur terbaik untuk mengkaji dan memeriksa rahim dan *adnexa*.

Memandangkan prosedur kedua-dua rawatan tersebut dilakukan dengan memasukkan peralatan rawatan ke dalam faraj, berlaku kekeliruan dalam kalangan sesetengah orang khususnya perempuan mengenai hubung kaitnya dengan *thaharah* sama ada prosedur tersebut menyebabkan junub dan mewajibkan mandi hadas ataupun tidak.

Di dalam hukum syarak, perkara-perkara yang menyebabkan wajib mandi itu ialah mati, haid, nifas, melahirkan anak dan junub.

Junub adalah salah satu perkara yang menyebabkan wajib mandi ke atas

seseorang. Pensyariatannya ini adalah berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala :

Tafsirnya : "Jika kamu berjunub (berhadas besar) maka bersucilah (dengan mandi wajib)."

(Surah al-Ma'idah : 6)

Apa yang dimaksudkan dengan junub?

Dari segi bahasa, junub dan *janabah* bererti jauh. Dari segi istilah syarak pula, *janabah* ialah perkara bersifat *ma'nawi* yang tertanggung ke atas tubuh badan seseorang, iaitu yang menegahnya daripada sah sembahyang ketika mana tidak ada *murakkhish* (kelonggaran).

Lelaki atau perempuan sama ada seorang, dua orang ataupun ramai yang mengalami *janabah* disebut juga sebagai junub. Junub berlaku ke atas orang yang hidup sama ada sebagai pelaku ataupun diperlakukan ke atasnya. Adapun orang yang mati, tidak diwajibkan ke atasnya mandi disebabkan junub kerana terputusnya *taklif* dengan kematian, melainkan mandi disebabkan mati, iaitu sebagai memuliakannya.

Sebab-sebab junub

Janabah atau junub di sisi syarak adalah disebabkan keluar air mani dan jimak, iaitu masuk *hasyafah* ke dalam faraj.

i - Keluar air mani

Air mani ialah cecair berwarna putih dan pekat. Tiga ciri utama air mani ialah :

- i - keluar dengan terpancut,
- ii - waktu keluar terasa lazat dan diikuti dengan syahwat dan zakar menjadi lemah,
- iii - bau seperti bau adonan tepung gandum dan mayang kurma apabila basah dan seperti bau putih telur apabila kering.

Apabila terdapat semua ciri tersebut atau terdapat salah satu daripadanya, maka cecair yang keluar itu adalah air mani dan diwajibkan mandi disebabkan karenanya.

Pada kebiasaannya air mani lelaki bersifat pekat dan putih. Adakala juga air mani lelaki berwarna kekuningan dan cair disebabkan penyakit. Air mani perempuan

pula cair dan kekuningan dan ada kala air mani perempuan itu berwarna putih. Selain itu, ada juga air mani lelaki atau perempuan yang keluar dengan warna kemerahan disertai sedikit darah.

Para ulama Mazhab asy-Syafi'i Rahimahumullahu Ta'ala telah ijma' mengatakan bahawa diwajibkan mandi ke atas lelaki dan perempuan kerana keluar air mani sama ada diiringi dengan rasa syahwat ataupun tidak, sama ada dengan rasa seronok ataupun tidak, sama ada air mani itu banyak ataupun sedikit dan sama ada air mani itu keluar di dalam keadaan seseorang itu jaga mahupun ketika dia sedang tidur.

Demikian juga, ulama Mazhab asy-Syafi'i Rahimahumullahu Ta'ala mengatakan bahawa diwajibkan mandi kerana keluar air mani sama ada air mani itu keluar disebabkan jimak, *istimna'* (onani), bermimpi, melihat dan memikirkan sesuatu yang menimbulkan syahwat, berseronok dengan pasangan ataupun air mani itu keluar tanpa ada sebarang sebab.

Pensyariatannya wajib mandi ini adalah berdasarkan hadis yang antaranya diriwayatkan daripada Ummu Salamah Radhiallahuanha, beliau berkata bahawa Ummu Sulaim, isteri Abu Thalhaf telah datang kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lalu bertanya :

Maksudnya : "Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah tidak malu menyatakan yang hak (kebenaran), adakah diwajibkan mandi ke atas perempuan yang bermimpi (melakukan jimak)?"
Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Ya, apabila kamu nampak air (mani)."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

ii - Jimak

Jimak di antara lelaki dan perempuan, iaitu dengan masuk *hasyafah* (kepala zakar) atau masuk kadar *hasyafah* bagi orang yang tidak ada *hasyafah* ke dalam faraj.

Diriwayatkan daripada Abu Musa al-Asy'ari Radhiallahuanhu, 'Aisyah Radhiallahuanha berkata bahawasanya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Apabila duduk di antara bahagian perempuan yang empat (melakukan jimak) dan khitan bertemu khitan, maka diwajibkan mandi."

(Hadis riwayat Muslim)

Bertemu dua khitan itu berlaku masuknya *hasyafah* ke dalam faraj.

Khitan ialah tempat yang dipotong ketika berkhatan, iaitu kulup bagi lelaki dan *bazhr* bagi perempuan (daging yang tersembul dekat lubang kemaluan perempuan).

Tidak ada perselisihan (*khilaf*) di kalangan ulama Mazhab asy-Syafi'i Rahimahumullahu Ta'ala di dalam hukum wajib mandi disebabkan masuknya *hasyafah* ke dalam faraj. Yang dimaksudkan dengan diwajibkan mandi kerana masuknya *hasyafah* itu ialah masuknya keseluruhan *hasyafah* atau kadar *hasyafah* bagi orang yang terpotong

hasyafahnya ke dalam faraj atau dubur, sama ada manusia atau binatang, lelaki atau perempuan, yang hidup atau yang mati, kanak-kanak atau orang tua.

Demikian juga, diwajibkan mandi disebabkan masuknya *hasyafah* ke dalam faraj walaupun tanpa tujuan, terpaksa, tidak disertai syahwat, tidak keluar air mani dan walaupun *hasyafah* itu dimasukkan dengan berlakip.

Adakah ujian Pap Smear dan Transvaginal Ultra Sound menyebabkan diwajibkan mandi?

Pap Smear dan Transvaginal Ultra Sound adalah ujian rawatan yang menggunakan peralatan moden tertentu. Prosedur kedua-dua ujian rawatan tersebut melibatkan bahagian pelvis perempuan, iaitu dengan memasukkan peralatan khusus ke dalam faraj. Dalam ujian Pap Smear, contoh sel serviks akan diambil melalui faraj dengan menggunakan sudip, pengelap kapas atau berus plastik. Sementara dalam Transvaginal Ultra Sound pula, *transducer* atau alat penerima gelombang suara frekuensi tinggi berbentuk lengkung digunakan. Alat tersebut ditutupi dengan gel pelincir dan sarung getah steril sebelum dimasukkan ke dalam faraj untuk membuat imbasan organ dalaman di bahagian pelvis.

Bagi sesetengah perempuan yang menjalani salah satu daripada dua ujian rawatan tersebut, adakalanya menjadi keliru adakah perlu mandi hadas selepas menjalaninya? Berdasarkan penjelasan di atas, jelasnya ujian rawatan Pap Smear dan Transvaginal Ultra Sound tidak termasuk di dalam perkara yang menyebabkan wajib mandi sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak.

Kedua-dua ujian rawatan tersebut bukan unsur jimak sebagaimana yang dimaksudkan oleh syarak, iaitu bertemunya dua khitan ataupun masuknya *hasyafah* atau kadar *hasyafah* ke dalam faraj. Demikian juga, bentuk rawatan ini kebiasaannya tidak menyebabkan keluar air mani. Oleh itu, tidak ada sebab yang menunjukkan seseorang itu mandi junub kerana menggunakan rawatan tersebut.

Tetapi jika sekiranya perempuan yang menjalani ujian itu mendapati dengan melihat sendiri air mani dan yakin air mani tersebut air maninya, maka wajib ke atasnya mandi kerana salah satu perkara yang menyebabkan wajib mandi itu ialah apabila keluar air mani walaupun tanpa sebab dan tidak disertai syahwat.

Demikian beberapa penjelasan mengenai ujian rawatan Pap Smear dan Transvaginal Ultra Sound dan hubungkaitnya dengan *thaharah*. Kesimpulannya, kedua-dua rawatan tersebut bukan menyebabkan seseorang itu junub yang mewajibkannya mandi hadas. Akan tetapi, jika keluar air maninya setelah menjalani salah satu ujian rawatan tersebut, maka barulah diwajibkan ke atasnya mandi.

"Bagi sesetengah perempuan yang menjalani salah satu daripada dua ujian rawatan tersebut, adakalanya menjadi keliru adakah perlu mandi hadas selepas menjalaninya? Berdasarkan penjelasan di atas, jelasnya ujian rawatan Pap Smear dan Transvaginal Ultra Sound tidak termasuk di dalam perkara yang menyebabkan wajib mandi sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak."

JBP redah bahaya demi kewajipan dan tanggungjawab

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman, Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

JABATAN Bomba dan Penyelamat (JBP) mempunyai objektif untuk memberi khidmat pencegahan dan pemadaman kebakaran, menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan dan memadam kebakaran serta menyediakan khidmat kemanusiaan yang cekap dan berkesan.

Sejarah Ringkas

Pasukan bomba pada 1 Januari 1960 dengan rasminya ditubuhkan sebagai sebuah jabatan yang berasingan daripada pasukan polis dengan memindahkan seramai 36 orang anggota polis yang dipilih, termasuk seorang pegawai polis berpangkat inspektor yang dilantik selaku Superintendent of Fire Brigade (Inspektor Mohammad).

Menjaga keamanan dan keselamatan adalah tugas utama pasukan polis. Walau bagaimanapun, pada masa dahulu tugas mereka juga merangkumi memadam kebakaran. Maka satu unit pemadam kebakaran telah dibentuk di bawah kawalan pasukan polis yang terdiri daripada anggota-anggota polis bagi tujuan memadam kebakaran.

Dengan kewujudan Unit Pemadam Api di bawah kawalan pasukan polis, beberapa orang anggota polis telah diserapkan sebagai anggota tetap bagi melaksanakan tugas-tugas memadam kebakaran dan juga bersedia di lapangan terbang jika ada ketibaan kapal terbang ketika itu.

Setelah Jabatan Pasukan Bomba diwujudkan dan berpisah daripada pasukan polis untuk menjadi satu jabatan, tugas utama atau *core duty* pasukan ini masih dikekalkan bagi tujuan memadam kebakaran, menyelamatkan nyawa dan harta benda, seperti yang termaktub dalam Akta Bomba 1966 sehinggalah dibuat pindaan Akta Perkhidmatan Bomba Pindaan 2002, skop bidang tugas Jabatan Perkhidmatan Bomba telah diperluaskan kepada menyelamat dan menangani apa-apa jua kecemasan.

Dalam mengemaskan lagi pentadbiran pasukan bomba

yang baru dibentuk itu, pada pertengahan tahun 1963 seorang pegawai pinjaman dari Perkhidmatan Bomba Hong Kong, Lam Soo Man telah dilantik untuk mengetuai Pasukan Bomba Negeri Brunei dengan jawatan Pengawal Bomba Negeri Brunei sehingga 1969. Melalui kepimpinan pegawai pinjaman dari Hong Kong ini yang telah berkhidmat dalam tempoh enam tahun (sehingga tahun 1969), perkembangan Perkhidmatan Bomba telah bermula dengan memperkenalkan Undang-Undang Pasukan Bomba (Fire Services Enactment) yang telah diluluskan pada 4 Ogos 1966. Melalui undang-undang ini telah diperjelaskan bidang tugas pasukan bomba di bawah Bab 7.

Pada awal penubuhannya, pasukan bomba telah ditadbir silih berganti oleh pegawai pasukan bomba yang terdiri daripada pegawai-pegawai pinjaman (*expatriate*) yang didatangkan dari Hong Kong dan United Kingdom sehinggalah penghujung tahun 1980. Mula pada tahun 1981, anak tempatan telah diberi kepercayaan untuk memimpin pasukan bomba dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengurus dan mentadbir jabatan sehingga sekarang. Anak tempatan yang pertama menjawat jawatan Pengawal Pasukan Bomba ialah Dato Paduka Awang Haji Yaakob bin Haji Mohd. Yusoff.

Pada 9 November 1987, nama pasukan bomba ditukar kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan seterusnya pada 9 Mac 2006, nama Jabatan Perkhidmatan Bomba ditukar kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) selaras dengan pembangunan negara dan kemajuan ekonomi yang banyak menjurus kepada tugas menyelamatkan.

Tugas dan Tanggungjawab

Tugas-tugas JBP ialah untuk mengambil langkah-langkah yang disahkan oleh undang-undang yang termaktub dalam Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan 2002) Bahagian II Bab 7 iaitu :

- Memadamkan, melawan, mencegah dan mengawal api.
- Menjaga keselamatan awam dan harta benda jika berlaku kebakaran.

- Mencegah kebakaran.
- Menyiasat tentang sebab, punca dan keadaan kebakaran.
- Melaksanakan perkhidmatan kemanusiaan, termasuk melindungi nyawa dan harta benda dalam sebarang bencana.
- Memberi nasihat mengenai langkah-langkah perlindungan kebakaran dan bahaya kebakaran.
- Menjalankan tugas-tugas lain yang mungkin dibebankan ke atas mereka.
- Pasukan Bomba dan Penyelamat perlu meningkatkan pembangunan keupayaan atau *capacity building* jabatan dengan penajanaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran dalam meningkatkan lagi profesionalisme kebombaanan yang berkualiti, efisien dan efektif, serta perlu mempunyai ilmu pengetahuan, pelbagai kepakaran dan memiliki profesionalisme yang tinggi, di samping mahir menggunakan alat kelengkapan dan teknologi yang bersesuaian. JBP, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mempunyai peranan yang penting dan signifikan dalam menjaga dan memelihara keselamatan awam, termasuk menyelamatkan nyawa dan harta benda awam dan masyarakat. Sejak penubuhan JBP 52 Tahun yang lalu, jabatan ini telah menunjukkan banyak perkembangan, pembaharuan dan pencapaian.

Penukaran nama Jabatan Perkhidmatan Bomba kepada JBP pada 9 Mac 2006 telah mengiktiraf skop bidang tugas jabatan ini yang tidak hanya setakat melaksanakan kerja-kerja konvensional seperti memadam kebakaran, tetapi termasuk bidang tugas yang lebih mencabar dan berisiko tinggi dalam kerja-kerja menyelamatkan dan kecemasan yang pelbagai. Ini adalah selaras dengan perkembangan dan kehendak semasa demi memberikan sumbangan dan khidmat bakti yang sangat-sangat diperlukan oleh masyarakat dan negara.

Tugas sebagai seorang bomba dan penyelamat bukanlah sembarangan tugas untuk digalas, jika tersilap caranya, boleh mengancam nyawa dan berhadapan risiko bahaya. Umum mengetahui, tugas seorang anggota bomba berkaitan api semata-mata. Namun hakikat sebenar, ia lebih dari apa yang kita ketahui. Menggalas tanggungjawab sebagai bomba dan penyelamat, seseorang itu wajib menyanggupi untuk berdepan dengan pelbagai rintangan yang lasak.

Kerjaya sebagai bomba sememangnya memerlukan kekuatan fizikal dan mental yang tinggi sebagai persediaan untuk menerima apa jua cabaran dan risiko malang tidak berbau sepanjang bertugas. Bahkan tugas sebagai seorang bomba dan penyelamat bukan hanya memadamkan kebakaran dan menyelamatkan mangsa kemalangan semata-mata, malah bertanggungjawab menjaga keamanan dan kesejahteraan negara, yang mana antaranya ialah mengendali situasi bencana alam seperti tanah runtuh, menyelamatkan mangsa lemas dan kemalangan bahan kimia. Semua itu memerlukan taruhan



SEBAHAGIAN peserta yang mewakili setiap cawangan ketika ikut beraksi dalam pertandingan tersebut.

besar yang melibatkan fizikal dan mental.

Setiap kali terlibat dalam operasi, anggota bomba dan penyelamat perlu bijak dan pantas dalam menguasai sesuatu situasi dan perlu bertungkus-lumus serta pantas melaksanakan tanggungjawab dan semua itu memerlukan ketangkasan yang luar biasa dan selalunya setiap anggota yang bertugas dilokasi kejadian tahu peranan masing-masing.

Tiada Istilah Rehat

Menjadi seorang anggota bomba dan penyelamat jujurnya tiada istilah cuti yang sebenar-benarnya, kerana kemalangan dan bencana berlaku tanpa memberitahu bilakah masanya. Justeru, sikap bersiap sedia dan berjaga-jaga perlu sentiasa ada dan istilah berehat itu amat sukar kerana tanggungjawab tersebut amat penting dan perlu.

Hal ini terbukti setiap kali berlakunya kemalangan atau bencana alam, pastinya Pasukan Bomba dan Penyelamat diperlukan dan apatah lagi sekarang ini keadaan cuaca di Negara Brunei Darussalam pada masa ini mengalami keadaan cuaca yang tidak menentu dengan hujan lebat, angin kencang dan berpetir, mengakibatkan banjir atau banjir kilat, tanah susur, pokok tumbang serta laut bergelora di beberapa kawasan di negara ini.

Menurut statistik yang diberikan oleh JBP pada bulan Januari hingga 24 Disember 2017, JBP telah menerima sebanyak 825 panggilan kecemasan yang melibatkan :

- Sebanyak 720 panggilan pokok tumbang yang melibatkan anggaran kerugian harta benda sebanyak BND6,895.00;
- 42 panggilan bantuan banjir;
- 45 panggilan tanah susur dan;
- 18 panggilan atap terbang

yang melibatkan anggaran kerugian sebanyak BND35,000.

2016 (Januari-Disember) :

- Pokok tumbang - 13 panggilan dengan kerugian - BND3,500;
- Bantuan banjir - 18 panggilan;

Tanah susur - tiga panggilan;

- Atap terbang - satu panggilan;
- Jumlah keseluruhan - 35 panggilan dengan kerugian BND3,500.

2017 (Januari-24 Disember) :

- Pokok tumbang - 720 panggilan dengan kerugian - BND6,895.

- Bantuan banjir - 42 panggilan
- Tanah susur - 45 panggilan
- Atap terbang - 18 panggilan dengan kerugian - BND35,000.

Jumlah keseluruhan - 825 panggilan dengan kerugian - BND41,895.

Walaupun bagaimanapun, tidak ada sebarang kecederaan dan kemalangan jiwa dilaporkan dari semua kejadian tersebut.

JBP bersiap siaga 24 jam dan sentiasa membuat rondaan dan pemantauan di darat mahupun di perairan bagi mengambil langkah-langkah yang berpatutan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku terutama sekali di kawasan-kawasan tinggi dan rendah serta kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi.

Orang ramai juga digalakkan untuk memuat turun aplikasi mudah alih bertajuk 'Safety Guide' dari Google Play Store sebagai panduan asas kecemasan dan keselamatan awam yang disediakan oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan. Jika berlakunya sebarang kecemasan, orang ramai dihendaki untuk menghubungi terus Talian Kecemasan 995 JBP ataupun melalui Talian Darussalam 123 bagi sebarang aduan.



ANTARA persembahan bomba dan penyelamat.

PGGMB – KHURUSAPHA tandatangani perjanjian Program Pertukaran Guru

Siaran Akhbar dan Foto :
Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Januari. - Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) baru-baru ini mengeratkan lagi hubungan kerjasama dengan Majlis Guru-Guru Thailand (The Teachers' Council of Teacher), atau KHURUSAPHA, melalui satu perjanjian persefahaman.

Pada 26 Januari lepas, satu mesyuarat khas telah diadakan di antara pegawai-pegawai PGGMB dan KHURUSAPHA untuk mengemas kini satu draf perjanjian (Memorandum of Agreement) untuk dipersetujui bersama.

Mengetuai delegasi PGGMB ke mesyuarat tersebut ialah Presiden PGGMB, Awang Haji Antin bin Ahad. Mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Agung KHURUSAPHA, Dr. Tinsiri Siribodhi, berlangsung di Ibu

Pejabat KHURUSAPHA, Dusit, Bangkok, Thailand.

Melalui perjanjian tersebut, PGGMB dan KHURUSAPHA bersetuju untuk memulakan program pertukaran guru-guru (*teachers' exchange*) diantara kedua-dua belah pihak untuk ditempatkan mengajar di sekolah-sekolah yang terpilih di negara masing-masing.

PGGMB akan menghantar guru-gurunya ke Thailand manakala KHURUSAPHA menghantar guru-guru mereka ke negara ini.

Guru-guru yang dihantar nanti akan mengajar mengikut jadual waktu persekolahan untuk selama empat minggu. Program pertukaran guru ini merupakan kali pertama dilaksanakan oleh PGGMB dan KHURUSAPHA dan akan bermula pada akhir bulan Jun tahun ini.

Hubungan dua hala berkenaan



PRESIDEN PGGMB, Awang Haji Antin bin Ahad (empat, kiri) semasa mengetuai delegasi menghadiri Mesyuarat Khas bersama Majlis Guru-Guru Thailand atau KHURUSAPHA di Ibu Pejabat KHURUSAPHA, Dusit, Bangkok, Thailand.

bertujuan untuk mendedahkan guru-guru yang terlibat dengan cara-cara pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kalangan negara-negara ASEAN, di samping untuk meningkatkan

ilmu pengetahuan dan pengalaman mengajar di negara luar.

PGGMB dan KHURUSAPHA adalah ahli kepada Majlis Guru-Guru ASEAN (ASEAN Council of Teachers).

KHURUSAPHA ditubuhkan dalam tahun 1945 dan merupakan sebuah persekutuan guru terbesar yang bertanggungjawab dalam memajukan profesion perguruan di Thailand.

23 pegawai JPI tamatkan Program Induksi



PEMANGKU Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajjah binti Haji Moktal (kanan) menyampaikan sijil kepada salah seorang pegawai.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

KATOK, Isnin, 29 Januari. - Profesionalisme perguruan adalah merupakan satu aspek penting dalam diri seorang guru yang

berperanan sebagai jentera penggerak di Jabatan Pengajian Islam (JPI) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).



Ia bukan sahaja berperanan dalam bidang pendidikan agama bahkan juga mendukung dasar kerajaan bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan rakyat dalam Wawasan Negara Brunei 2035.

Majlis Penutup Program Induksi bagi Pegawai-Pegawai Bergaji Hari JPI Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi berlangsung di Auditorium 1, Sekolah Ugama Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada seramai 23 pegawai tenaga pengajar yang baharu tersebut ialah Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajjah binti Haji Moktal.

Program bertujuan sebagai langkah menyediakan pegawai / tenaga pengajar baharu dalam mengetahui perkara-perkara yang berkaitan dengan peraturan-peraturan am Perkhidmatan Awam, faedah-faedah di dalam perkhidmatan dan sebagainya.

Bahkan juga untuk membimbing pegawai / tenaga pengajar baharu dalam memahami dengan lebih jelas tentang misi, visi, fungsi dan peranan jabatan dan bagi memberikan pendedahan serta kefahaman berkenaan dengan profesionalisme seorang guru dalam mendukung Wawasan Negara 2035 khususnya dalam pendidikan.

Ia diadakan selama 10 hari bermula 16 Januari 2018 lalu dikendalikan bersama oleh Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa, JPI, KHEU.

PEMANGKU Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajjah semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Program Induksi bagi Pegawai-Pegawai Bergaji Hari Jabatan Pengajian Islam Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi.

Tingkatkan pengetahuan bab Thaharah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Januari. - Seramai 50 pegawai dan kakitangan kerajaan menghadiri Kursus Pengukuhan Islam, Fiqh At Thaharah (Kebersihan) yang berlangsung selama empat hari di Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), di sini.

Kursus anjuran Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Dakwah, PDI itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan agama, khususnya perkara-perkara yang berhubungkait dengan bab Thaharah (bersuci) dan menghalusi tatacara dalam wuduk, tayamum dan mandi.

Antara isi kandungan kursus tersebut termasuklah pengertian Thaharah, bahagian air dan hukumnya, najis dan cara-cara menyucikan, bersiwak, istinja, qada hajat, hadas, wuduk, mandi dan tayamum.

Dengan adanya kursus ini, PDI berharap ia akan dapat meningkatkan kefahaman seterusnya mengulangkaji pengetahuan yang sedia ada dan mengamalkannya dalam kehidupan seterusnya menghayati ajaran Islam dengan penuh keyakinan dan ketakwaan.



ANTARA pegawai dan kakitangan kerajaan perempuan yang hadir mengikuti Kursus Pengukuhan Islam, Fiqh At Thaharah (Kebersihan).

Musim buah lubuk emas bagi peniaga



AWANG Haji Maidin bin Haji Chuchu dari Kampung Saba.



AWANG Jaridin bin Manggis dari Kampung Lumapas.

Berita dan Foto : Aimi Sani

buah yang tiba sekali setahun ini mempunyai cerita di sebaliknya terutama raja buah, iaitu durian yang ternyata memenuhi ruang gerai berbanding buah-buahan yang lain.

Awang Haji Maidin bin Haji Chuchu, 65, dari Kampung Saba ketika ditemui berkata, musim durian sekarang memberi kanrezeki lumayan kepada para peniaga buah-buahan di negara ini.

"Alhamdulillah, setiap hari kami berhasil mengutip hasil pulangan yang lumayan daripada hasil jualan buah-buahan tempatan, seperti durian, kembayau, duku, rambutan dan sebagainya.

Memang tidak dinafikan buah durian adalah merupakan buah kegemaran ramai bagi penduduk di negara ini. Ada antara buah-buahan ini didapati dari Kampung Lamunin, Tutong dan



ANAK-anak saudara Awang Haji Maidin turut membantu berniaga buah-buahan.

yang selebihnya dari negara jiran," ujarnya.

Beliau yang pada hari biasanya berjual ikan dan sayur-sayuran di Tamu Kianggeh seterusnya menjelaskan bahawa dia menjual buah-buahan pada harga yang sangat berpatutan, dan menasihatkan kepada beliau yang belum bekerja di luar sana agar mencuba untuk berniaga, tetapi harus mempunyai hati yang cekal selain rajin berusaha serta jujur dalam berniaga.


Sementara itu, perkara yang sama turut dipersetujui oleh Awang Jaridin bin Manggis dari Kampung Lumapas yang menjaga gerai buah ibunya, Dayang Siharni binti Sidup.

Menurutnya, musim buah-buahan adalah merupakan satu rahmat bagi sesetengah pihak, khususnya peniaga buah-buahan.

Musim buah ini juga terangnyanya merupakan lubuk emas bagi mereka yang ingin mencari rezeki lebih.

Jumlah Perdagangan meningkat

Prestasi Perdagangan Bagi Negara Brunei Darussalam



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Januari. - Jumlah Perdagangan meningkat sebanyak 29.6 peratus tahun ke tahun kepada BND1,107.6 juta yang terdiri daripada eksport (BND791.5 juta) dan import (BND316.1 juta), berbanding sebanyak BND854.6 juta pada bulan November 2016.

Imbangan perdagangan juga meningkat sebanyak 72.6 peratus tahun ke tahun kepada BND475.4 juta dari BND275.4 juta pada bulan November 2016.

Eksport pada bulan November 2017 meningkat sebanyak 40.1 peratus tahun ke tahun daripada BND565.0 juta (November 2016) kepada BND791.5 juta (November 2017).

Eksport bahan api galian mencatatkan sumbangan tertinggi sebanyak 73.9 peratus dari jumlah eksport, iaitu daripada minyak mentah (BND261.9 juta) dan gas cecair asli (LNG) (BND321.3 juta).

Pada bulan November 2017, import barangan meningkat sebanyak 9.2 peratus tahun ke-tahun daripada BND289.6 juta (November 2016) kepada BND316.1 juta (November 2017).

Manakala itu, lima sumbangan import tertinggi mengikut komoditi adalah jentera dan kelengkapan pengangkutan (29.9

peratus), barang-barang keluaran kilang (23.7 peratus), makanan (13.7 peratus), bahan-bahan kimia (12.1 peratus) dan pelbagai barang keluaran kilang (10.1 peratus).

Pasaran eksport terbesar adalah ke negara Jepun sebanyak 22.6 peratus dari jumlah eksport, diikuti oleh Switzerland (21.5 peratus), Thailand (17.8 peratus), Singapura (9.9 peratus) dan lain-lain.


Mengikut kategori penggunaan akhir, import barang perantaraan

merangkumi 58.6 peratus dari jumlah import. Ini diikuti oleh import barang Modal (32.6 peratus) dan barang penggunaan (8.8 peratus).

Import terbesar adalah dari negara China sebanyak 24.6 peratus dari jumlah import, diikuti oleh Malaysia (22.3 peratus), Singapura (16.6 peratus), Amerika Syarikat (5.6 peratus) dan lain-lain.

Perangkaan Perdagangan

Sumbangan Import Tertinggi Mengikut Komoditi, November 2017




Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

Barangan Antarabangsa (International Merchandise Trade Statistics, IMTS) bagi negara ini menggunakan General System untuk merekodkan perangkaan perdagangan yang meliputi


import, eksport domestik dan eksport semula.

Laporan penuh IMTS bagi bulan November 2017 boleh diperoleh melalui laman sesawang JPKE di www.depd.gov.bn.

Peratus Taburan Eksport Mengikut Negara Destinasi, November 2017



Peratus Taburan Import Mengikut Negara Asal, November 2017





**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**

BIL TAWARAN :
(02) JBS / ADM / UP / 2018

Peti Sebut Harga
Tingkat 4
Jabatan Belia dan Sukan
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Bangunan Kementerian
Kebudayaan, Belia dan Sukan
Simpang 336 - 17
Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan, BA1211
Negara Brunei Darussalam.

BIL TAWARAN :
(16) JBS / ADM / QC / 2018
KETERANGAN :
THE SUPPLY, DELIVERY AND
INSTALL OF DESKTOP PC AND
A4 LASERJET MONOCHROME
PRINTER FOR THE
DEPARTMENT OF
YOUTH AND SPORTS.

YURAN TAWARAN :
BND5.00

Tarikh Tutup :
7 Februari 2018 /
21 Jamadilakhir 1439H (Rabu)
Jam :

tidak lewat jam 2.00 Petang

Cagaran :
Seperti yang dinyatakan pada
keterangan sebut harga
- Bagi setiap satu dokumen
(tidak dikembalikan)

DOKUMEN-dokumen dan
penerangan-penerangan yang lanjut
boleh diperolehi di Bahagian Unit
Hasil, Tingkat 4, Jabatan Belia dan
Sukan, Simpang 336 - 17, Jalan
Kebangsaan, Berakas, BA1211,
Negara Brunei Darussalam.

Waktu Menerima Bayaran :
Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi



**JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAWARAN secara sebut harga adalah
dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar
dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

BILANGAN SEBUT HARGA :
03 / 2017 / 2018

KETERANGAN :
TO REMOVE OF EXISTING,
TO SUPPLY AND INSTALL NEW
CARPET WALL TO WALL
AT PRAYER ROOM, LEVEL 2
JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA

BILANGAN SEBUT HARGA :
04 / 2017 / 2018

KETERANGAN :
TO REMOVE OF EXISTING,
TO SUPPLY AND INSTALL
OF BLACKOUT ROLLERBLIND
AT PRAYER ROOM, LEVEL 2
JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA

BILANGAN SEBUT HARGA :
05 / 2017 / 2018

KETERANGAN :
PEMBAIKAN PAM TANDAS DAN
PENGANTIAN TANDAS SERTA
PERALATANNYA DI IBU PEJABAT
JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA

BILANGAN SEBUT HARGA :
06 / 2017 / 2018

KETERANGAN :
ARCGIS DESKTOP BASIC
(SINGLE USE LICENCE)
KUANTITI : 2 SET

BILANGAN SEBUT HARGA :
07 / 2017 / 2018

KETERANGAN :
DESKTOP COMPUTER
KUANTITI : 7 SET

Bagi sebut harga bilangan 03 / 2017 / 2018,
04 / 2017 / 2018 dan 05 / 2017 / 2018,
dokumen sebut harga serta keterangan lanjut
boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran
(Tingkat 2), Jabatan Perancang Bandar
dan Desa, Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.

Sementara sebut harga bilangan
06 / 2017 / 2018 dan 07 / 2017 / 2018,
dokumen sebut harga boleh diperolehi
di Tingkat 1, Bahagian Maklumat
Perancangan, Jabatan Perancang Bandar
dan Desa, Lapangan Terbang Lama,
Berakas BB3510, Negara Brunei
Darussalam.

Sebut harga hendaklah dihantar dalam
sampul surat yang berasingan mengikut
bilangan sebut harga yang disertai. Sampul
surat berkenaan hendaklah tertutup dengan
tidak menunjukkan sebarang tanda syarikat
dan bahagian atas sampul surat hendaklah
ditulis bilangan sebut harga dan tajuk kerja-
kerja yang disertai.

Sebut harga hendaklah dihadapkan tidak
lewat dari jam 2.00 Petang, Khamis,
8 Februari 2018 ke alamat berikut :

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Tingkat 2
Jabatan Perancang Bandar dan Desa
Lapangan Terbang Lama
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam.

Sebut Harga yang lewat diterima dari
tarikh dan masa yang ditentukan adalah
tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak
terikat untuk menerima tawaran yang paling
rendah atau sebarang tawaran.



Bahagian Mekanikal,
Jabatan Perkhidmatan Mekanikal Dan Elektrikal,
Jabatan Kerja Raya,
Negara Brunei Darussalam.



NOTIS JUALAN LELONG SECARA TERTUTUP

PETI TAWARAN TERTUTUP
TINGKAT 1
BLOK PENTADBIRAN
BAHAGIAN MEKANIKAL
JABATAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL
KAMPONG SINARUBAI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN		TARIKH TERAKHIR MEMBUKAKAN BORANG TAWARAN KE DALAM PETI TAWARAN	
TARIKH MULA	TARIKH MELIHAT		
29.01.2018	29.01.2018 HINGGA 01.02.2018 PAGI : 8.30 HINGGA 11.30 PETANG : 2.00 HINGGA 4.00	03.02.2018 / PADA ATAU SEBELUM 9.00 PAGI (HARI SABTU)	
LOT	KETERANGAN	BANYAK	TEMPAT
1	AIR HANDLING UNIT (AHU)	1 UNIT	BAHAGIAN MEKANIKAL, SINARUBAI
LOT	KEBENARAN	RUJUKAN	TARIKH
1	Kementerian Kewangan	KKW/ADM/KEM/11	21.11.2017



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
BERGAJI HARI DI KEMENTERIAN
PENDIDIKAN TAHUN 2018**

BILANGAN IKLAN : 01 / 2018
TARIKH IKLAN : 31 / 01 / 2018

Syarat-Syarat Am :

A. PEMOHON hendaklah terdiri daripada
Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

B. Pemohon hendaklah mempunyai
pengetahuan kerassmian Agama Islam, Adat
Istiadat, Kebudayaan, Perkembangan Sosial,
Ekonomi dan Politik Negara Brunei
Darussalam.

C. Bersedia untuk bertugas pada bila-bila
masa di luar waktu bekerja atau bekerja secara
bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan
juga hendaklah bersedia untuk bertugas
di pejabat-pejabat cawangan Kementerian
Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Daerah
Tutong, Daerah Belait dan Daerah
Temburong.

D. Pemohon hendaklah yang bermastautin
dan tinggal secara tetap di Daerah Brunei dan
Muara, Tutong, Belait dan Temburong
mengikut kekosongan jawatan yang
ditawarkan.

E. Pemohon hendaklah berdaftar
dengan Pusat Pekerjaan Brunei
(JOB CENTRE-BRUNEI), Jabatan Tenaga
dan Perindustrian, Jabatan Perdana
Menteri.

Maklumat jawatan yang ditawarkan :

1. Jawatan : PEKERJA TINGKAT III
Kelayakan :
1 'O' LEVEL hingga 3 'O' LEVEL
Kadar Gaji Sehari : BND23.00 - BND25.80
Tingkatan : D
Bidang Tugas : Pembantu Kerani

**Kekosongan jawatan yang ditawarkan
mengikut DAERAH :**
Brunei dan Muara, Belait dan Tutong.

2. Jawatan : PEKERJA TINGKAT III
Kelayakan :
'N' LEVEL, lulus PMB / BJCE,
NTC 3, CITY & GUILDS, NVC
Kadar Gaji Sehari : BND21.60 - BND23.00
Tingkatan : C
Bidang Tugas : Pembantu Pejabat

**Kekosongan jawatan yang ditawarkan
mengikut DAERAH :**
Brunei dan Muara.

3. Jawatan : PEKERJA TINGKAT IV
Kelayakan :
Tidak Lulus PMB / BJCE,
Tidak Lulus 'N' Level

Kadar Gaji Sehari : BND20.80 - BND21.60
Tingkatan : B
Bidang Tugas : Pembantu Tukang Masak

**Kekosongan jawatan yang ditawarkan
mengikut DAERAH :**
Tutong dan Temburong.

4. Jawatan : PEKERJA TINGKAT V
Kelayakan : Tahu Menulis dan Membaca
Kadar Gaji Sehari : BND20.20 - BND20.70
Tingkatan : A
Bidang Tugas : Pembersih dan Buruh

**Kekosongan jawatan yang ditawarkan
mengikut DAERAH :**
Pembersih - Brunei dan Muara, Belait,
Tutong dan Temburong.
Buruh - Brunei dan Muara, Belait dan
Tutong.

PERINGATAN :

1. Tarikh tutup menghantar borang
permohonan :
28 Jamadilawal 1439 / 14 Februari 2018
2. Borang permohonan bolehlah diperolehi
di alamat berikut :

DEWAN PERSIDANGAN 1 (P1)
BANGUNAN LAMA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

atau

Bahagian Perkhidmatan
Permakanan dan Asrama
Cawangan Daerah Tutong, Belait dan
Daerah Temburong

3. Borang hendaklah dikembalikan ke
alamat dibawah ini sahaja :

DEWAN PERSIDANGAN 1 (P1)
BANGUNAN LAMA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Borang permohonan juga boleh dimuat
turun melalui laman sesawang Kementerian
Pendidikan :

<http://www.moe.gov.bn>

4. Semua permohonan hendaklah
dihadapkan dengan borang yang lengkap
diisikan beserta dengan salinan-salinan kad
pintar, surat beranak, pendaftaran Jobcentre
Brunei, sijil-sijil kelayakan dan sijil berhenti
sekolah serta dikembalikan tidak lewat
pada tarikh tutup iklan.

5. Borang permohonan yang diterima
setelah tutup iklan tidak akan dilayan.



Borang Pengakuan Penender dan Lampiran I hendaklah **diisikan dengan lengkap** dengan menyatakan bahawa syarikat yang ikut serta tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga dalam syarikat-syarikat lain yang menyertai tawaran sama dan menyenaraikan nama-nama pekerja tempatan yang bekerja di syarikat yang mengikuti tawaran.

Borang tawaran hendaklah **menyertakan** salinan :

i. Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 yang masih sah yang menyenaraikan butir-butir perniagaan seperti nama, bilangan

pendaftaran dan negeri asal, nombor kad pengenalan atau paspot pemilik.

ii. Surat pengesahan pematuhan Akta Tabung Amanah Pekerja Penggal 167 dengan menyatakan rujukan pendaftaran dan caruman bagi setiap pekerja kontrak, bergaji hari atau pekerja sementara.

iii. Senarai pekerja yang menyenaraikan jumlah dan bilangan (%) pekerja asing dan pekerja tempatan (contoh format ada disertakan).

Syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39 hendaklah **menyertakan :**

i. Salinan sijil pematuhan cukai yang dikeluarkan oleh pihak Pemungut Cukai Pendapatan selaras dengan Bab 52 (1) Akta Cukai Pendapatan Penggal 35.

ii. Salinan surat pengesahan mengenai tarikh berakhir menghantar Penyata Tahunan (*Annual Returns*) kepada Pendaftar Syarikat-Syarikat termasuk tahun syarikat mengadakan *Annual General Meeting*.

Setiap satu borang tawaran yang lengkap diisikan dan disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang tertutup rapi dan menulis dengan jelas dengan menyatakan **tajuk & bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran** tanpa membubuhkan sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemborong.

Borang tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN, LEMBAGA TAWARAN NEGARA** yang ditujukan kepada :

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN
PETI TAWARAN, TINGKAT 1
BANGUNAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE
JALAN KEBANGSAAN, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

PERINGATAN : Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran atau kontrak diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



**MAHKAMAH PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN**

**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. 10 / 2018**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **THOMAS ANAK YANTONG** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **LASABIT BINTI AGONG** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **6 FEBRUARI 2018, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 15 Januari 2018.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. 08 / 2018**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SUSAN CHIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **CLEMENT SIM WEI JIE** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **IBU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **6 FEBRUARI 2018, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 15 Januari 2018.

(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)
Penolong Pegawai Waris
Negara Brunei Darussalam.



PUSAT PEMBANGUNAN BELIA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

dalam dokumen sebut harga.

(1)

TAJUK SEBUT HARGA :
SUPPLY, DELIVERY AND
COMMISSIONING OF MATERIALS
FOR AN AIR-CONDITIONING AND
REFRIGERATION PROGRAM AT
YOUTH DEVELOPMENT CENTRE,
MINISTRY OF CULTURE,
YOUTH AND SPORTS,
TANAH JAMBU MAIN ROAD,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga berwarna hijau** yang disediakan di **Tingkat 1, Ruang Masuk / Penyambut Tetamu (Depan Kaunter Sekuriti)**, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 Petang, Khamis, 8 Februari 2018.

BILANGAN SEBUT HARGA :
01 / 2018 / KKBS / PPB / 05

4. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dinilai.

(2)

TAJUK SEBUT HARGA :
SUPPLY, DELIVERY AND
COMMISSIONING OF MATERIALS
FOR VEHICLE BODY REPAIR
PROGRAM AT YOUTH
DEVELOPMENT CENTRE,
MINISTRY OF CULTURE,
YOUTH AND SPORTS,
TANAH JAMBU MAIN ROAD,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

5. Tarikh terakhir mengambil dokumen sebut harga adalah pada **Selasa, 6 Februari 2018, jam 3.00 Petang**.

BILANGAN SEBUT HARGA :
01 / 2018 / KKBS / PPB / 06

6. Yuran sebut harga adalah **BND10.00 (BND : Sepuluh Ringgit)** sahaja dan **tidak akan dikembalikan** kepada setiap syarikat / penender sama ada berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang sah (*bona-fide-tender*).

(3)

TAJUK SEBUT HARGA :
SUPPLY, DELIVERY AND
COMMISSIONING OF MATERIALS
FOR WELDING AND FABRICATION
PROGRAM AT YOUTH
DEVELOPMENT CENTRE,
MINISTRY OF CULTURE,
YOUTH AND SPORTS,
TANAH JAMBU MAIN ROAD,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

7. Dokumen sebut harga boleh diperoleh dari **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari dan waktu bekerja.

BILANGAN SEBUT HARGA :
01 / 2018 / KKBS / PPB / 07

8. Penender yang ikut serta **dimestikan untuk membuat lawatan** bagi mendapatkan penerangan lanjut dari **Bahagian Program Pembangunan Diri, Pusat Pembangunan Belia, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam** di talian telefon : **+673 2393681 / 2 sambungan 717 (Pegawai Latihan) atau 741 (Pengajar Teknik Kanan)** semasa waktu pejabat.

(4)

TAJUK SEBUT HARGA :
SUPPLY, DELIVERY AND
COMMISSIONING OF MATERIALS
FOR PLUMBING PROGRAM AT
YOUTH DEVELOPMENT CENTRE,
MINISTRY OF CULTURE,
YOUTH AND SPORTS,
TANAH JAMBU MAIN ROAD,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

9. Sebelum dokumen sebut harga dikeluarkan, setiap syarikat / pembekal adalah dikehendaki untuk membawa **Sijil Pendaftaran Perniagaan** yang berdaftar (Business Names Act Section 16 and 17) dan dikehendaki membayar yuran sebut harga dengan kadar yang telah ditetapkan.

BILANGAN SEBUT HARGA :
01 / 2018 / KKBS / PPB / 08

1. TAWARAN dibukakan kepada syarikat-syarikat / pembekal-pembekal yang mempunyai sijil perniagaan yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk sebut harga dan bilangan sebut harga yang tersebut di atas tanpa menyatakan nama syarikat / penender dengan ditujukan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam** dan dihantar di para (3) mengikut arahan yang dinyatakan di

10. Sebut Harga-sebut harga mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebut harga yang telah disediakan. Borang sebut harga dan borang pengakuan penender **hendaklah diisikan dengan lengkap**. Penender yang menghantar **sebut harga yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian**.

11. Setiap borang sebut harga yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan, Sijil Lampiran Syarikat (Business Enactment Section 16 and 17) dan salinan resit pembayaran yuran sebut harga (seperti kenyataan para 6).

12. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya akan menerima sebut harga-sebut harga yang rendah atau lain-lain sebut harga.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

6. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** yang disediakan di :

KENYATAAN SEBUT HARGA

BILANGAN SEBUT HARGA :
16 / JANUARI / 2018 / BKBN /
1.40 / 18

TAJUK SEBUT HARGA :
PERKHIDMATAN
PENGHANTARAN DAN
PENYEWAAN KERETA
'BUGGY' (GOLF CART) BAGI
KEM LATIHAN PROGRAM
KHIDMAT BAKTI NEGARA
[PKBN], BATU APOI, TEMBURONG
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Tingkat 1
Ruang Masuk / Penyambut Tetamu
(depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Simpang 336-17
Jalan Kebangsaan, BS8110
Negara Brunei Darussalam.
[PETI SEBUT HARGA
BERWARNA HIJAU]**

**Tidak lewat jam 2.00 Petang,
Khamis, 8 Februari 2018.**

7. Tarikh terakhir mengambil dokumen sebut harga adalah pada **Rabu, 7 Februari 2018, jam 2.00 Petang**.

8. Sebut Harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

9. Sebelum dokumen sebut harga dikeluarkan, setiap syarikat dikehendaki membawa dan menghadapkan salinan **Sijil Pendaftaran Perniagaan** (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

10. Sebut Harga mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebut harga yang telah disediakan. Sebut harga yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

11. Setiap borang sebut harga yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para '9') dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para '3').

12. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh pegawai / kakitangan kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam **tidak akan semestinya menerima sebut harga yang rendah** atau lain-lain sebut harga.

14. Ke semua syarikat / pembekal yang mengambil bahagian dalam sebut harga adalah **DIMESTIKAN** untuk hadir ke "**Taklimat Sebut Harga (Tender Briefing)**" pada **Rabu, 7 Februari 2018, jam 3.30 Petang** di **Ibu Pejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN], Blok B18, Simpang 32-15, Flat Kerajaan Anggerek Desa, Jalan Berakas, BB3713, Negara Brunei Darussalam**.

15. Syarikat yang menolak atau membatalkan sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN / 4 (39 / 1997).

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat / pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan diiktiraf sebagai Pembekal Perkhidmatan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen sebut harga boleh diperolehi dari **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari / waktu bekerja.

3. Yuran sebut harga adalah **BND10.00** sahaja bagi setiap sebut harga dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang sah (*bona-fide-tender*).

4. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada **Bahagian Khidmat Bakti Negara** semasa waktu bekerja melalui talian **+673 2340033 / +673 2340045** yang bertempat di **Ibu Pejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara Blok 18, Simpang 32-15, Flat Kerajaan Anggerek Desa, Jalan Berakas BB3713, Negara Brunei Darussalam**.

5. Sebut Harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan **16 / JANUARI / 2018 / BKBN / 1.40 / 18 - Kontrak bagi PERKHIDMATAN PENGHANTARAN DAN PENYEWAAN KERETA 'BUGGY' (GOLF CART) BAGI KEM LATIHAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA [PKBN], BATU APOI, TEMBURONG KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam**.

Suntik semangat patriotik generasi muda

Berita dan Foto: Saerah Haji Abd. Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Penghayatan dan pemahaman dalam kalangan generasi muda terhadap pemimpin negara dan lagu kebangsaan serta Bendera Negara Brunei Darussalam perlu diserapkan pada diri mereka agar semangat patriotik tidak akan pernah luntur sedari awal.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan memberikan penerangan Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Rimba 1, di sini.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Dalam taklimat tersebut, Dayang Hajah Hamsah antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Taklimat melibatkan seramai 125 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.

Para penuntut juga berpeluang

menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan dan seterusnya diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai

semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya semasa menyampaikan hadiah kepada penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



PARA pelajar semasa mendengarkan Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Rimba 1.



MINDA PEMBACA

Langkah berjimat cermat menggunakan elektrik

SEBAGAI pengguna, kita sering kali diingatkan untuk mengamalkan sikap berjimat cermat dan ingatan itu terutamanya dalam penggunaan elektrik. Penggunaan barangan elektrik dalam kehidupan sememangnya tidak boleh dipisahkan kerana kesemua barangan kegunaan harian menggunakan tenaga elektrik.

Tenaga elektrik bukan sahaja tertumpu penggunaannya untuk menjana kuasa peralatan elektrik dalam sesebuah kediaman di antaranya seperti periuk nasi elektrik untuk memasak, mesin basuh untuk membasuh pakaian dan penggunaan *water jet* untuk membersihkan kediaman. Selain itu, tujuan penggunaan tenaga elektrik juga adalah, seperti penggunaan mesin pemanas air (*water heater*) untuk mandi, penyaman udara (*aircond*) untuk menyejukkan ruang kediaman, seperti bilik tidur dan ruang tamu.

Dalam usaha untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik, tenaga elektrik boleh dikurangkan jika pengguna di rumah kediaman mengetahui cara penggunaan secara berhemah dan cekap. Antara perkara utama yang perlu dilakukan oleh pemilik kediaman untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik secara menyeluruh adalah dengan memastikan lampu ditutup pada ruang yang tidak digunakan. Hal ini bukan sahaja dapat menjimatkan tenaga tetapi juga dapat menjimatkan perbelanjaan serta kecekapan barang-barang elektrik yang sering digunakan.

Selain itu, penggunaan cahaya dalam rumah juga dapat dipraktikkan, iaitu dengan menggunakan mentol dan lampu yang jimat tenaga untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik sehingga 80 peratus. Di samping itu, setiap pengguna elektrik boleh, menggunakan kadar tenaga elektrik yang mempunyai

Watt yang rendah untuk ruang koridor, laluan tangga dan bilik stor kerana kawasan ini hanya memerlukan kecerahan yang sedikit hanya untuk menerangi kawasan tersebut.

Jenis penggunaan peralatan elektrik dalam rumah juga dapat mempengaruhi kadar penggunaan tenaga elektrik contohnya peti sejuk dengan memilih kapasiti peti sejuk yang sesuai dengan penggunaannya. Perlu diingatkan sekali lagi kepada para pengguna tenaga elektrik agar jangan sesekali terpengaruh dengan membeli peti sejuk berkapasiti besar tanpa mempertimbangkan penggunaannya kerana semakin besar kapasitinya, semakin tinggi penggunaan tenaga yang akan digunakan. Selain itu, jika boleh dielakkan terlalu kerap membuka dan menutup peti sejuk untuk menghindari udara dingin keluar yang mengakibatkan pembaziran tenaga yang keluar.

Mesin basuh juga perlu digunakan dengan tatacara yang betul bagi mengelakkan mesin itu terpaksa bekerja keras dan menggunakan tenaga yang lebih serta cepat rosak. Pastikan jumlah kapasiti adalah penuh kerana jika dimasukkan separuh kapasiti,

jumlah tenaga yang digunakan tetap sama. Selain itu, pengering mesin basuh hanya digunakan apabila perlu dan lebih ekonomi jika menggunakan cahaya matahari untuk mengeringkan pakaian. Hal ini dapat menjimatkan penggunaan tenaga elektrik dan mengelakkan menggunakan suhu yang sangat rendah kerana akan memaksa alat penghawa dingin bekerja lebih berat dan memendekkan jangka hayatnya.

Kesimpulannya, kita sebagai pengguna seharusnya menitikberatkan penggunaan dan juga penjimatan tenaga elektrik kerana semakin banyak jumlah penggunaan, semakin banyak pembaziran yang kita lakukan dan bagi mengelakkan sebarang pembaziran dalam penggunaan tenaga elektrik mahupun tenaga air dan sebagainya, kita perlulah mendisiplinkan diri serta mengawal diri agar dapat mengelakkan diri daripada melakukan perbelanjaan yang lebih akibat daripada kealpaan diri sendiri sepertimana yang kita sering dengar dalam peribahasa Melayu 'Cermat masa banyak, jimat masa sedikit' dan 'cegah sebelum parah'.

Nama : Azmi bin Mohamad Noor
No. K/P : 01-055467 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah'. Tarikh Tutup : 31 Januari 2018
2. 'Suburkan Semangat Bermucang-mucang'. Tarikh Tutup : 7 Februari 2018
3. 'Menjayakan Wawasan Negara'. Tarikh Tutup : 14 Februari 2018

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
Setiap Minggu

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

IHP Disember 2017 menurun 0.02 peratus

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Disember 2017 menurun 0.02 peratus tahun ke tahun berbanding bulan Disember 2016.

Indeks Bukan Makanan mencatatkan penurunan sebanyak 0.6 peratus, manakala Indeks Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 2.2 peratus tahun ke tahun.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, penurunan IHP bagi bulan Disember 2017 sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan Indeks Rekreasi dan Kebudayaan (1.7 peratus), Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (1.4 peratus) dan Pengangkutan (0.7 peratus).

Indeks Rekreasi dan Kebudayaan menurun terutamanya disebabkan oleh penurunan harga bagi peralatan audio-visual, komputer dan aksesori komputer serta peralatan untuk haiwan peliharaan.

Manakala, penurunan Indeks Perhiasan, Peralatan Isi Rumah

dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah adalah disebabkan oleh penurunan harga tekstil isi rumah, kelengkapan isi rumah serta barangan kaca, pinggan mangkuk dan peralatan isi rumah.

Penurunan Indeks Pengangkutan adalah disebabkan oleh penurunan harga bagi alat ganti dan aksesori kenderaan, minyak pelincir serta perkhidmatan pengangkutan melalui udara.

Bagi keseluruhan tahun 2017, IHP mencatatkan penurunan sebanyak 0.2 peratus berbanding 2016. Indeks Bukan Makanan mencatatkan penurunan sebanyak 0.3 peratus, manakala Indeks Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus.

IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.


Laporan penuh IHP bagi bulan Disember dan Tahunan 2017 boleh diperolehi melalui laman sesawang JPKE : www.dep.gov.bn.

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

INDEKS HARGA PENGGUNA (2010 = 100)

Divisyen	Kewajaran (%)	Indeks	Perubahan (%)		
		Dis 2017	Dis 2017 / Dis 2016	Dis 2017 / Nov 2017	Jan-Dis 2017 / Jan-Dis 2016
INDEKS KESELURUHAN	100	99.0	-0.02	-0.1	-0.2
Makanan dan Minuman Ringan	19	101.2	2.2	0.4	0.3
Pakaian dan Kasut	4.2	84.4	-2.3	-8.8	-2.5
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Bakar Lain	11	96.7	-0.3	-	-0.4
Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah	11	94.8	-1.4	-0.4	-1.7
Kesihatan	1	99.6	0.3	-0.04	-0.3
Pengangkutan	19	98.8	-0.7	1.2	0.9
Perhubungan	6	100.3	1.1	-0.01	0.1
Rekreasi dan Kebudayaan	9	100.3	1.1	-1.7	-0.4
Pendidikan	4	108.9	0.5	-	0.4
Restoran dan Hotel	9	102.9	0.8	-0.04	-0.04
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	7	100.6	-0.9	-0.4	-0.6

Perubahan Tahun Ke Tahun Indeks Harga Bagi Disember 2016 Hingga Disember 2017



Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :
pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

1) 'Alat-Alat Muzik Tradisi Brunei' (tarikh tutup 10 Februari 2018)
2) 'Taman dan Rekreasi di Negara Brunei Darussalam' (tarikh tutup 24 Februari 2018)
3) 'Keceriaan Sambutan Hari Kebangsaan' (tarikh tutup 10 Mac 2018)
Tajuk-tajuk tersebut hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh tutup berkenaan.

Sembahyang Sunat Gerhana Bulan, hari ini

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Januari. - Gerhana, menurut Kitab Umdah al-Qari Syarah Sahuh Bukhari ialah suatu perubahan, suatu kejadian, suatu keagungan dan kebesaran Tuhan yang berlaku pada matahari dan bulan di mana kejadian itu adalah suatu perkara yang amat mudah bagi Allah Azza Wa Jalla melakukannya.

Negara ini akan mengalami kejadian Gerhana Bulan Penuh pada Rabu, 15 Jamadilawal 1439 Hijrah bersamaan 31 Januari 2018 Masihi.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin memaklumkan bahawa Sembahyang Sunat Gerhana Bulan akan diadakan secara berjemaah di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara pada hari tersebut sejurus selepas Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk sama-sama hadir ke masjid-masjid, surau-suru dan balai-balai ibadat seluruh pada Rabu, 15 Jamadilawal 1439H bersamaan 31 Januari 2018M bagi sama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan, iaitu Sembahyang Sunat Muakkadah (sembahyang sunat yang dituntut) yang dikerjakan bila mana terjadinya fenomena gerhana matahari atau bulan.

RALAT

BERLAKU kesilapan *venue* dalam berita bertajuk 'Hari Keluarga wujudkan masyarakat harmoni' pada muka 8, Pelita Brunei edisi Isnin, 29 Januari 2018.

Perenggan kedua sepatutnya berbunyi, 'Ke arah, lebih 100 orang terdiri penduduk-penduduk Putat menyertai Majlis Sambutan Hari Keluarga Kampung Putat Ke-3 bertempat di Taman Rekreasi Herba Kampung Putat, di sini. Kesilapan adalah tidak disengajakan. - Penyuntingan.

Apa Pendapat Biskita?

Remaja dan gadget

PERKEMBANGAN gadget dewasa ini sangat luar biasa, bahkan penggunaannya pun sudah merambah jauh ke kampung termasuk menghilangkan batas usia pemakainya.

Gadget selalu diertikan lebih tidak biasa atau direka bentuk secara lebih pintar dibandingkan dengan teknologi normal pada masa penemuannya.

Gadget juga disebut dengan gizmos, memiliki gadget tentu sah dan tidak salah, gadget kini bukan lagi menjadi barang bergaya, bahkan untuk sebahagian orang telah menjadi keperluan primer.

Gadget boleh saja kita sebut pelengkap, dengan fungsi melengkapi kehidupan profesional dan keseharian kita. Kesalahan terjadi apabila gadget beralih fungsi menjadi keperluan dalam hidup. Saat ini kita memasuki era gadget. Gadget ini mempengaruhi hampir seluruh aspek kehidupan kita. Bercakap masalah pengaruh gadget ada yang positif dan ada yang negatif terhadap remaja di negara ini.

Ruang Apa Pendapat Biskita sempat mendapatkan beberapa pandangan remaja secara rambang mengenai remaja dan gadget :-

"Remaja masa ini jika mengenai gadget ada dua impak yang diperoleh, antaranya, ialah melalaikan, membuang masa, kurang perhatian atau tidak fokus, boleh jadi pendiam, kurang silaturahmi sesama saudara, terpengaruh perkara yang tidak baik dari media sosial.

Tetapi gadget juga boleh datang dan mendapatkan banyak ilmu pengetahuan, banyak mendapat info atau maklumat dari luar atau dalam negara, menambah pengetahuan, boleh dapat banyak pengajaran dari info-info yang berguna.

Malahan melalui gadget juga boleh membantu pelajaran khususnya dalam Google, di mana sumber dan maklumat yang banyak yang boleh diguna pakai dalam pelajaran." - **Fizul, Perpindahan Mengkubau.**

"Remaja menggunakan gadget untuk membuat kajian lebih dalam mengenai topik pelajaran yang mereka pelajari, mereka menggunakan gadget untuk berkomunikasi dengan kawan-kawan dan ahli keluarga mereka, remaja juga menggunakan gadget untuk memulakan perniagaan yang kecil, seperti menjual makanan di laman sosial." - **Zat, Perumahan Rimba.**

"Penggunaan gadget bukanlah hal baharu lagi di kehidupan remaja, ia bukan hanya dijadikan pembantu kehidupan ataupun alat komunikasi dengan dunia luar, tetapi juga dijadikan teman untuk mengisi waktu luang, seperti penggunaan internet, bermain game, mendengar muzik / radio, menyimpan kenangan foto / video.

Namun tidak jarang penggunaan gadget memberikan negatif, seperti menyimpan foto / video yang tidak senonoh, melupakan waktu belajar, bahkan terlepas waktu sembahyang.

Selain itu, pelajar memiliki gadget kerana ingin mendapatkan kemudahan dalam berkomunikasi khususnya melalui WhatsApp, Facebook, Instagram, Twitter, Blog, e-mel, Wechat dan Viber." - **Amat, Perumahan Katok.**

"Gadget bukan sesuatu perkara yang baharu dalam kalangan remaja. Gadget bukan hanya untuk kegunaan dalam kehidupan seharian ataupun sebagai alat komunikasi untuk berhubung dengan keluarga, sahabat handai ataupun dengan dunia luar. Tapi ia boleh juga digunakan untuk mengisi masa lapang para remaja seperti mendengar muzik atau streaming movie, melayari laman-laman sesawang untuk kegunaan belajar atau membuat research. Di samping itu juga, para remaja pada masa ini sudah pandai untuk membuat bisnes secara online dengan adanya gadget yang semakin canggih ini para remaja lebih senang untuk membuat bisnes dan berhubung dengan para pelanggan dengan mudah dan cepat." - **CW, Gadong.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan

nama sebenar atau nama pena.

Sila e-mel pendapat biskita ke :

pelita.brunei@information.gov.bn

i. Rimba Garden Central

ii. BruTrack

UNISSA terima lawatan rombongan mahasiswi UNIDA

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima rombongan lawatan seramai 28 mahasiswi Program Ekonomi Islam Semester 4 Universitas Darussalam (UNIDA) Gontor yang diiringi oleh dua pensyarah pembimbing, iaitu Taufiq Affandi, M.Sc dan Ustazah Atika Masrifah, M.E.Sy. Objektif lawatan ialah untuk meningkatkan pengetahuan mahasiswi di luar kampus mengenai dengan Ekonomi Islam di negara ini dengan mengunjungi ke beberapa tempat institusi dan menghadiri beberapa kelas ilmiah di UNISSA, lawatanapan hari itu bermula 16 hingga 24 Januari 2018.

Ketibaan rombongan UNIDA disambut oleh mahasiswa/i UNISSA dan pensyarah-pensyarah. Pada sebelah pagi, ketua rombongan UNIDA bekesempatan untuk bertemu dengan Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Manakala perjumpaan dengan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) berlangsung pada sebelah petang yang dipengerusikan oleh Timbalan Dekan, Hajah Norliza binti DSS Haji Mahalle dan turut dihadiri ialah pensyarah-pensyarah FEKIm lainnya.

Sebagai pengisian program lawatan, rombongan UNIDA mengikuti kelas ilmiah yang berlangsung di UNISSA seperti kuliah Islamic Wealth Management and Capital Market yang disampaikan oleh Profesor Dr. Abd. Ghaffar bin Ismail, kuliah



REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (kiri) menerima rombongan lawatan daripada mahasiswa Program Ekonomi Islam Semester 4 Universitas Darussalam (UNIDA) Gontor.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Melayu Islam Beraja bertajuk 'Pembentukan dan Penerapan Nilai-Nilai Murni dalam Konsep Melayu Islam Beraja' yang disampaikan oleh Dr. Sarinah binti Haji Yahya, Entrepreneurship Talk "Think outside the box" yang disampaikan oleh Dr. Khatijah Othman, Bicara Pakar bertajuk 'Knowledge Practice Dichotomy' yang disampaikan oleh Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh, dan Kelas Talaqqi Kitab Turath, iaitu Kitab Ihya' Ulumuddin yang disampaikan oleh Dr. Sayyed Abdul Hamid Al-Mahdaly dan sesi kongsi yang disampaikan oleh Dr. Shohibuddin bin Laming.

Rombongan juga mengadakan lawatan ke beberapa institusi, iaitu Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Bahagian Kawalan Makanan Halal, Kementerian Hal

Ehwal Ugama dan Kedutaan Indonesia.

Mereka juga berpeluang melawat beberapa tempat menarik seperti Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Taman Mahkota Jubli Emas, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanalk Bolkih, Istana Nurul Iman, Muzium Royal Regalia, Pasar Malam Gadong, Jame' 'Asr Hassanil Bolkih, Bandarku Ceria, Jerudong Park, Muzium Teknologi Brunei dan Muzium Maritim Brunei Darussalam.

Pensyarah UNIDA, Taufiq Affandi juga berpeluang menyampaikan kuliah umum bertajuk 'Peranan Multimedia dalam Pengembangan Ilmu Ekonomi Islam' kepada pelajar-pelajar FEKIm tahun 3 dan 4.

Pertandingan Ikan Flowerhorn, 3 Februari

Berita dan Foto : Ihsan King Mix Brother

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa 30 Januari. - Para peminat dan penggemar Ikan Louhan (Flowerhorn) akan

berpeluang menyaksikan pertandingan ikan tersebut pada acara 1st Season Mini Competition 2018 yang akan berlangsung pada 3 Februari ini.

Kejohanan yang dianjurkan bersama oleh King Mix Brothers dan disokong oleh UFA Brunei Darussalam tersebut

akan diadakan bertempat di alamat No. 62, Jalan 3, Perumahan Orang Awam Rimba Gadong bermula jam 7.00 malam.

Selain dari pertandingan, turut diadakan ialah acara Jualan Bumiputera yang akan diadakan pada 2 hingga 3 Februari di tempat yang sama.

Sukan

INFO SUKAN

NEGARA Brunei Darussalam mencatat sejarah menjadi tuan rumah pada temasya Sukan SEA Ke-20 pada tahun 1999. Pembukaan rasmi acara tersebut berlangsung penuh gilang-gemilang di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pembukaan rasmi acara tersebut di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.



ePaper Pelita Brunei

Cabaran Jet Ski Enduro 2017 4 Februari



Oleh : Ihsan Media Permata
Foto : Ihsan Persatuan Jet Ski Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Januari. - Cabaran Jet Ski Enduro 2017 anjuran Persatuan Jet Ski Brunei Darussalam akan berlangsung pada 4 Februari ini di Kompleks Sukan Air Serasa.

Bagi menjayakan siri terakhir Perlumbaan Enduro musim ini, satu mesyuarat dan taklimat langkah keselamatan dan kesejahteraan melibatkan pihak-pihak berkepentingan telah diadakan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di Berakas pada 26 Januari lalu.

Cabaran Jet Ski Enduro tersebut merupakan pusingan terakhir yang menampilkan banyak aksi dan kehebatan-kehebatan para pelumba di dalam mengendalikan jet ski masing-masing.

Terdapat empat kategori akan dipertandingkan, iaitu Stand Up,

130hp (Normal Aspirated), 200hp (Normal Aspirated) dan 300hp (Supercharged) dan cabaran kali ini menjangkakan penyertaan kira-kira 50 peserta tempatan dan juga luar negeri terutamanya dari Miri, Sarawak dan Kuala Lumpur, Malaysia.

Pada masa ini, Persatuan Sukan Jet Brunei Darussalam (Brunei Jet Sports Association) mempunyai kira-kira 30 ahli yang berdaftar dan enam ahlinya telah pun bersaing pada perlawanan antarabangsa seperti Malaysia, Thailand dan Indonesia.

Selain dari Cabaran Jet Ski Enduro berkenaan Persatuan Sukan Jet Brunei Darussalam telah pun merancang banyak aktiviti untuk tahun 2018 di mana salah satu aktiviti ialah Hari Kesedaran Keselamatan Terbuka untuk orang ramai dan sebagainya.

MESYUARAT dan taklimat langkah keselamatan dan kesejahteraan melibatkan pihak-pihak berkepentingan mengenai Cabaran Jet Ski Enduro 2017 anjuran Persatuan Jet Ski Brunei Darussalam yang akan diadakan pada 4 Februari di Kompleks Sukan Air Serasa.

Raptors sertai Paintball Series R500, Kuala Lumpur

Berita dan Foto :
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Isnin, 29 Januari. - Pasukan Raptors berlepas ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi menyertai The New Generation Paintball Series R500 Special Limited Edition 2018 yang diadakan pada 27 Januari lepas di Sri Awana Paintball Park, Bangi.

Sebanyak 19 buah pasukan dari pelusuk Malaysia menyertai perlawanan yang diadakan buat pertama kalinya pada tahun ini dan turut disertai oleh pasukan-pasukan dari Negara Brunei Darussalam dan Singapura.

Pasukan-pasukan yang menyertai perlawanan dibahagikan pada dua kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' dan Kumpulan 'B' dan berlawan menerusi format 'Race to 1'.

Pasukan Raptors menurunkan lima pemain yang diketuai oleh Hydayath bin Haji Mohd. Tahir.

The New Generation Paintball Series R500 Special Limited Edition 2018 dijalankan sebanyak empat pusingan, yang mana perlawanan seterusnya akan diadakan pada bulan April, Julai dan November 2018.

PASUKAN Raptors berlepas ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi menyertai The New Generation Paintball Series R500 Special Limited Edition 2018.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

AMANAH IBARAT PERJANJIAN SUCI DENGAN ALLAH

دتریتکن اوله جباتن فرائغن، جباتن فردان منري دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.